

"Di BIDANG pendidikan, kita akan berakap lebih proaktif sebagai jawapan kepada keadaan-keadaan dunia yang sentiasa berubah-ubah. Kurikulum dan bidang-bidang lain pengajian akan sentiasa diselaraskan dengan keperluan negara dan manusia." - Titah sempena sambutan Hari Keputeraan baginda ke-53 tahun, 1999.



"ORANG yang paling dirundung penyesalan pada Hari Kiamat ialah orang yang memperolehi harta dari sumber yang tidak halal lalu menyebabkannya masuk Neraka." - Hadis Riwayat Al-Bukhari.

Timbalan Ketua Menteri Sabah mengadap Kebawah DYMM

Oleh Samle Haji Jait

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pembangunan Pertanian dan Industri Pemakanan, Yang Berhormat Dato Seri Panglima Kolonel (B) Lajim bin Haji Ukin.

Di Majlis Mengadap itu, Timbalan Ketua Menteri Sabah menyampaikan perutusan daripada Kerajaan Negeri Sabah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pembangunan Pertanian dan Industri Pemakanan, Yang Berhormat Dato Seri Panglima Kolonel (B) Lajim bin Haji Ukin. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Melahirkan generasi mampu memimpin negara :

KERAJAAN UTAMAKAN PENDIDIKAN

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 6 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersabda, pendidikan merupakan faktor penting dalam membentuk dan melahirkan generasi dan anak bangsa yang berilmu, berkemahiran, kompeten dan berdisiplin.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersabda demikian di Majlis Sambutan Jubli Perak Sekolah Nusa Laila Puteri dan

Pelancaran Logo sekolah berkenaan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Duli Yang Teramat Mulia menambah sabda, rakyat yang mempunyai pendidikan yang sempurna adalah merupakan aset yang sangat berharga kepada negara, kerana pembangun-

an dan kemajuan negara adalah bergantung rapat dengan kemampuannya bagi menghasilkan anak bangsa yang berkemahiran dan berpelajaran tinggi.

Keberhasilan tersebut, sabda Duli Yang Teramat Mulia, akan menentukan maju mundurnya sesebuah bangsa dan negara.

Sejajar dengan itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat memberikan keutamaan serta perhatian ke atas perkembangan pendidikan yang diselenggarakan dengan usaha bagi mempertingkatkan pembangunan negara dan menyediakan generasi yang mampu memimpin dan membawa negara ke arah kecemerlangan.

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melantik Hakim David John Lennox sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Besar.

Pesuruhjaya Mahkamah Besar dilantik

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Pesuruhjaya Mahkamah Besar yang baru.

Hakim David John Lennox mengangkat sumpah di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Beliau berusia 64 tahun, dilantik menjadi Pesuruhjaya Mahkamah Besar bermula 5 Mei, 2001.

Sementara surat perantukan hakim baru tersebut telah dibacakan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja

Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin.

Beliau yang pernah memegang jawatan yang sama di pengadilan Mahkamah Tinggi Hong Kong sejak tahun 1991 juga merupakan bekas Pengerusi Pensyarah Kehormat dan Pemeriksa Lembaga Pengajian Kehakiman Hong Kong di Universiti Hong Kong.

Sejurus selepas Majlis Mengangkat Sumpah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Mahkamah Besar yang baru itu.

Berangkat sama di majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.





دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمَهَا
ثَمُورَهُ دَانَ مَهَا فَيَايَغْ

Dari Sidang Pengarang

9 MEI, 2001 BERSAMAAN 1422 15 صفر

MELAHIRKAN BANGSA BRUNEI YANG BERILMU

SALAH satu aset yang sangat berharga kepada negara ialah rakyat yang mempunyai pendidikan yang sempurna. Sejalan dengan itu, pendidikan merupakan faktor yang paling utama dalam membentuk dan melahirkan generasi dan anak bangsa yang berilmu, berkemahiran, kompeten dan berdisiplin. Dalam masa yang sama, pembangunan dan kemajuan negara adalah juga bergantung rapat dengan kemampuan sesebuah negara dalam menghasilkan anak bangsa yang berpelajaran tinggi dan berkemahiran. Malahan lanya turut menentukan maju atau mundurnya sesebuah bangsa dan negara itu.

Melihat peranan dan kepentingan pendidikan yang sedemikian itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberi keutamaan dan perhatian ke atas perkembangan dan kemajuan pendidikan yang diselenggarakan dengan usaha bagi meningkatkan pembangunan dan kemajuan negara untuk menyediakan generasi yang mampu memimpin dan membawa negara ke arah kecemerlangan.

Usaha kerajaan ke arah ini sangat jelas termasuklah dari segi penyediaan infrastruktur pendidikan seperti bangunan-bangunan sekolah, maktab-maktab dan institusi pengajian tinggi yang moden, pendidikan yang percuma, dermasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri dan berbagai-bagai lagi kemudahan pembelajaran yang disediakan.

Usaha pengambilan tenaga pengajar dari luar negeri juga merupakan salah satu usaha kerajaan yang masih diteruskan bagi menampung keperluan tenaga pendidik tempatan. Kepekaan dan usaha-usaha yang berterusan oleh pihak kerajaan ke arah meningkatkan taraf pendidikan dan menyelaraskannya dengan keperluan pasaran tenaga tempatan telah berjaya memenuhi sebahagian besar keperluan tersebut.

Di samping itu, penelitian dan penyediaan dasar-dasar pendidikan yang seimbang lagi berkesan melalui Kementerian Pendidikan dan Majlis Pelajaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dari masa ke semasa bukan sahaja dapat meningkatkan mutu pendidikan negara, malahan telah berjaya melahirkan sumber tenaga manusia yang berkualiti termasuklah para pendidik.

Dalam perkembangan dan kemajuan pendidikan di Negara Brunei Darussalam, peranan dan penglibatan sekolah-sekolah swasta turut memberi sumbangan yang besar. Mereka adalah sebagai pengganding dan pendukung usaha-usaha kerajaan dalam memajukan pendidikan di negara ini.

Namun demikian, cabaran abad ke-21 memerlukan kekuatan dan kehebatan kita dalam menjaga kekuatan pendidikan itu sendiri secara lebih berkesan dan selaras dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi demi untuk mewujudkan generasi yang berminda saintifik, kreatif, inovatif, mencintai ilmu, berbudaya fikir di samping berakhlak mulia.

Sebagaimana yang ditekankan dalam sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah baru-baru ini, kegagalan dalam menangani isu teknologi dalam konteks sistem pendidikan, akan mengakibatkan kepincangan dalam usaha menyediakan generasi penerus yang mampu berdaya saing dan berdaya tahan apabila berdepan dengan pelbagai cabaran di era teknologi maklumat.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia itu membandingkan kepada kita semua agar peka dan prihatin terhadap perkembangan teknologi maklumat, agar kita semua dapat manfaatnya terutamanya untuk kecemerlangan bangsa dan negara.

BINA KEMAJUAN BERLANDASKAN PRINSIP AGAMA DAN BUDAYA

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, para sahabat serta pengikut Baginda yang sentiasa taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya dengan amat sukacita mengucapkan terima kasih dan merakamkan penghargaan yang tinggi kepada seluruh anggota jawatankuasa penyelenggara majlis pada malam ini terutama sekali Yang Mulia Pegawai Daerah Tutong yang sentiasa menggerakkan inisiatif untuk sama-sama menyemarakkan sambutan-sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Tema sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17, Tahun 2001 ini yang berbunyi 'Maju Bangsaku Sejahtera Negaraku' adalah cetusan komitmen yang lahir daripada naluri yang sentiasa ingin menyaksikan negara kita yang tercinta ini mencipta kemajuan pembangunan spiritual dan fizikal yang nati-jahnya dapat melahirkan sebuah negara yang aman sejahtera. Pergolakan dunia hari ini amat mencabar kita dan pemikiran manusia sentiasa berubah sehingga ada kalangan menganggap bahawa apa-apa juga penciptaan yang terkini dan terbaharu itu adalah nilai kemajuan sebenarnya. Walaupun pada hakikatnya kita menjadikan pembaharuan sedemikian sebagai 'benchmark' kemajuan tetapi hendaklah juga mengamatinya dengan berpedukan pemikiran 'critical' dan 'analytical'. Selain itu adalah juga penting bagi setiap kita secara sadar untuk sama-sama terlibat dalam program 'nation-building' sama ada ia berupa pembangunan sosioekonomi, pendidikan, kesihatan, agama, perundangan mahupun yang lainnya.

Fenomena kelembapan ekonomi sejagat yang sejak beberapa tahun lalu telah dialami sama oleh negara kita dan menjadi isu dan agenda utama negara-negara sama ada di rantau ini mahupun di rantau lain boleh saja kita dijadikan bahan berfikir semula. Dalam hal ini, kita juga turut bertindak secara rasional untuk menanganinya dengan melaksanakan pelbagai program dan usaha yang bersesuaian. Pendeknya kesesuaian dan ketepatan sesuatu tindakan itu adalah bergantung pada kemajuan kita bukan saja dari segi penguasaan ilmu tetapi juga dari segi cara pengurusan, sikap dan cara bertindak yang membolehkan kita untuk sentiasa berada setapak di hadapan sebagai sebuah bangsa yang dinamik. Kemajuan yang kita ingin nikmati itu hendaklah diisikan dengan tindakan pelaksanaan kerja yang bijaksana, pemikiran yang terbuka, nilai produktiviti yang tinggi serta berkualiti, tenaga manusia yang mahir dan komited, serta apa-apa juga nilai kehidupan yang positif. Akhirnya, kita bina sebuah peradaban prinsip agama dan budaya kita. Dengan memahami susur-galur kemerdekaan dan intipati kemerdekaan itu, insya-Allah, kita tidak akan terkeluar daripada landasan sebenarnya. Landasan sebenarnya itu pula mestilah selari dengan



UCAPAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohd. Yusof di Majlis Manifestasi Kemerdekaan 'Warisan Purih Anak Merdeka' di Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong pada 28 April, 2001.

ungkapan yang tertera di dalam panji-panji Brunei iaitu 'Orang-Orang Yang Sentiasa Melakukan Kebajikan Dengan Petunjuk Allah'. Marilah kita bersaksi kepada sejarah 'survival' bangsa dan negara kerana banyak perkara 'tarbiah' dan 'qudwah' yang dapat mendasari pemikiran kita seterusnya.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal kebudayaan, kebeliaan dan kesukanan, akan sentiasa meneroka dan merencana program-program yang bersesuaian dengan landskap sosiobudaya kita. Kita memberikan perhatian utama kepada golongan belia, satu kategori masyarakat yang sering dihubungkan dengan pelbagai masalah sosial. Dalam kesempatan ini saya cuba menyarankan agar kita tidak lagi membuat sebarang keputusan yang salah. Malah anggapan dan persepsi kita terhadap belia ini perlulah betul, bahawa 'mereka' adalah aset negara yang penting.

Keseluruhan institusi hendaklah bersepadu dalam melaksanakan sebarang usaha untuk mendorong, merangsang dan memberikan penghargaan dalam apa jua bentuk kepada golongan ini. Institusi yang dimaksudkan ialah institusi keluarga, pendidikan, keagamaan, perniagaan dan perdagangan dan yang lainnya. Program latihan yang benar-benar bermutu dan mempunyai kredibiliti akan lebih meyakinkan mereka, manakala agensi kerajaan yang memang telah berupaya menyediakan infrastruktur pembangunan sosial hendaklah pula berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan bimbingan agar mereka benar-benar merasa 'dilindungi' dan 'dihargai' dan sentiasa berupaya untuk menjadi penyumbang kepada kemajuan dan ketahanan bangsa. Kita mesti akur pada hakikat bahawa sudah berakhir zaman kita hidup atas dasar berpuas hati dengan kemampuan menggunakan hasil orang, tetapi hendaklah tangkas bergerak ke depan untuk sama-sama menjadi pengeluar dan pembekal kepada pengguna yang lain. Inilah yang dimaksudkan sebagai 'penggerak' dan 'pembentuk' peradaban.

Demikianlah teras utama sripati tema sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-17, Tahun 2001 dan mudah-mudahan bangsa dan negara kita akan tetap menjalani kehidupan yang makmur dan sejahtera.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

PENDEKNYA kesesuaian dan ketepatan sesuatu tindakan itu adalah bergantung pada kemajuan kita bukan saja dari segi penguasaan ilmu tetapi juga dari segi cara pengurusan, sikap dan cara bertindak yang membolehkan kita untuk sentiasa berada setapak di hadapan sebagai sebuah bangsa yang dinamik.

Hadiri Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN

BERAKAS, 9 Mei. - Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kini berada di Kuala Lumpur, Malaysia bagi mengetuai perwakilan Negara Brunei Darussalam di Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-15 yang akan bermula esok hingga 11 Mei, 2001.

Turut serta dalam rombongan ialah Awang Haji Md. Yusof bin Haji Md. Hassan, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang juga mengetuai bagi Mesyuarat ASEAN Sub-Committee On Labour Affairs (ASCLA) Ke-8 dan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan. Rombongan juga disertai oleh Pesuruhjaya Buruh dan beberapa orang pegawai kanan.

Mesyuarat tersebut didahului oleh Mesyuarat ASCLA Ke-8 pada 8 Mei, 2001 dan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan diadakan pada 9 Mei, 2001.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menghadiri Mesyuarat ASCLA Ke-8 di Kuala Lumpur.

Semai budaya perusahaan di kalangan belia

Oleh Aliddin HM



MENTERI Kebudayaan, Belle dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Dr. Haji Awang Hussain (tiga dari kiri) ketika hadir merasmikan Program 'LiveWIRE Brunei' dan Laman Web yang dianjurkan oleh Syarikat Brunei Shell. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Harun HR.

BERAKAS, 1 Mei. - Budaya perusahaan perlu disemai di kalangan belia sejak awal-awal lagi, khususnya semasa di bangku sekolah atau maktab, bukannya selepas mereka mendapat ijazah atau diploma.

Perkara itu telah dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belle dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Dr. Haji Awang Hussain di Majlis Pelancaran Rasmi Program 'LiveWIRE Brunei' dan Laman Web yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Yang Berhormat menambah, penggalakan 'enterprise culture' atau budaya berusaha adalah bertujuan untuk mengubah sikap atau 'mindset' kepada budaya berusaha menggalakkan bekerja sendiri sebagai satu pilihan pekerjaan yang bersesuaian.

"Aspek inilah saya nampak sangat kurang di kalangan belia-belia dan mereka tidak patut disalahkan kerana sejak di bangku sekolah lagi mereka kurang diserapkan dengan 'enterprise culture'. Dalam arus pendidikan perdana, khususnya di peringkat menengah, harus ada galakan kesedaran tentang 'role of the individual entrepreneur' membantu mengembangkan kemahiran 'entrepreneurial' dan menyediakan peranan penuntut-penuntut dengan pekerjaan masa hadapan adalah sangat mustahak," kata Yang Berhormat.

Dalam agama Islam jelas Yang Berhormat, bekerja sendiri atau mengusahakan perniagaan adalah amat digalakkan, cuma kita sahaja yang kurang menghayatinya.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kata Yang Berhormat, pernah bersabda bahawa sembilan per sepuluh daripada sumber rezeki itu terdapat dalam perniagaan dan Baginda juga pernah ditanya: "Pencarian apakah yang paling baik?" Lalu Baginda menjawab: "Orang yang bekerja dengan tangannya dan tiap-tiap jual beli yang bersih."

Program 'LiveWIRE Brunei' membawa tema 'Program Perusahaan Bagi Pengusaha Muda' yang merupakan program yang diungkuhkan oleh Syarikat Brunei Shell bagi memberi peluang kepada para belia memulakan perniagaan dan juga pembentukan pengusaha-pengusaha muda.

Program 'LiveWIRE' ini juga bertujuan untuk menyumbang ke arah sosioekonomi dan masyarakat yang lebih berguna.

Program 'LiveWIRE' ini pertama kali diperkenalkan oleh Shell di Scotland pada 1982 yang menumpukan sasarannya kepada kumpulan remaja berusia 18 hingga 30 tahun dengan tujuan meningkatkan kesedaran di kalangan golongan remaja mengenai selok-belok perniagaan.

Mereka yang serius untuk menubuhkan perniagaan akan dibantu melalui latihan dan kaunseling oleh ahli perniagaan yang berjaya yang menganggotai melalui laman webnya www.livewire-brunei.com.

Program 'LiveWIRE' ini telah dianggotai oleh 11 buah negara dan Negara Brunei Darussalam adalah negara yang ke-12 melaksanakan projek tersebut.

BRUNEI T-TANGANI PERJANJIAN PEMBEBASAN PENGANGKUTAN UDARA ANTARABANGSA

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Mei. - Negara Brunei Darussalam, Chile, New Zealand, Republik Singapura dan Amerika Syarikat menandatangani Perjanjian Berbilang Hala Mengenai Pembebasan Pengangkutan Udara Antarabangsa yang membenarkan syarikat-syarikat penerbangan yang ditentukan oleh negara-negara berkenaan mengadakan perkhidmatan udara bagi mengangkut penumpang, bagasi, kargo dan mel secara bergabung atau berasingan daripada tempat-tempat di belakang wilayah negara yang menetapkan syarikat penerbangan melalui wilayah negara itu dan tempat-tempat dalam wilayah negara yang memberikan hak dan selepas. Manakala bagi kesemua perkhidmatan kargo, di antara wilayah negara yang

memberikan hak dan manamana tempat.

Menurut siaran akhbar Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam juga menandatangani protokol kepada perjanjian ini yang membenarkan syarikat-syarikat penerbangan yang ditentukan oleh negara-negara berkenaan mengadakan pengangkutan udara antarabangsa berjadual dan sewa penumpang dan perkhidmatan-perkhidmatan gabungan di antara wilayah pihak yang memberikan hak-hak dan manamana tempat dan pengangkutan udara antarabangsa berjadual dan sewa di antara tempat-tempat dalam wilayah pihak yang memberikan hak-hak.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Ba-

ginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria bin Dato Mahawangsa Haji Sulaiman, Menteri Perhubungan. Majlis Menandatangani Perjanjian berkenaan diadakan di Jabatan Pengangkutan Amerika Syarikat, Washington pada 1 Mei, 2001.

Perjanjian berbilang hala ini merupakan satu langkah bersejarah bagi pengangkutan udara. Ia menandakan buat pertama kali negara-negara yang dipisahkan oleh jarak yang jauh mengambil tindakan untuk menggantikan perjanjian pengangkutan udara dua hala yang bersiri dengan satu perjanjian berbilang hala berdasarkan langit terbuka.

Perjanjian yang ditandatangani ini adalah selari dengan polisi pengangkutan udara negara ini yang mengamalkan polisi pengangkutan udara langit terbuka berdasarkan timbal balik bagi menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan lain untuk mengadakan perkhidmatan udara ke negara ini dan pada waktu yang sama membolehkan syarikat penerbangan negara ini memperkembangkan perkhidmatan udara yang difikirkan 'viable'.

Pertambahan syarikat-syarikat penerbangan ke negara ini akan dapat membantu merealisasikan wawasan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah pusat perkhidmatan bagi perdagangan dan pelancongan.

PROGRAM 'LiveWIRE Brunei'
membawa tema 'Program Perusahaan Bagi Pengusaha Muda' yang merupakan program yang diungkuhkan oleh Syarikat Brunei Shell bagi memberi peluang kepada para belia memulakan perniagaan dan juga pembentukan pengusaha-pengusaha muda.

Berkenan menerima mengadap isteri diplomat asing

Oleh Dk. Hjh. Saldah PHOA dan Siti Muslihat HS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam yang baru, Puan Mashamah binti Sharif. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman dan Istana Nurul Izzah, Jerudong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke negara ini, Puan Salihah Farhat. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman dan Istana Nurul Izzah, Jerudong.

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah berkenan menerima mengadap secara berasingan isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam dan isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam. Kedua-dua Istitadat Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri mula-mula menerima mengadap Puan Mashamah binti Sharif, isteri Tuan Yang Terutama Tuan Salman bin Ahmad, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.

Setelah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerima mengadap Puan Salihah Farhat, isteri Tuan Yang Terutama Mejar (B) Badr-ud-Deen; Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu pada 1 Mei, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap secara berasingan isteri-isteri para diplomat asing yang baru ke negara ini.

Mula-mula diperkenalkan mengadap di majlis yang berlangsung di Istana Nurul Izzah di sini ialah Puan Mashamah binti Sharif, isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang baru dilantik ke negara ini.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia seterusnya menerima mengadap Puan Salihah Farhat, isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan.

Kedua-dua Pesuruhjaya Tinggi Malaysia dan Pesuruhjaya Tinggi Pakistan yang baru masing-masing menyembahkan watak perantaraan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 7 April lepas.

Penyerahan tugas Pegawai Kanan Polis

GADONG, 1 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei telah mengadakan dua acara berasingan bagi Majlis Penyerahan dan Penerimaan Tugas yang berlangsung di dua tempat yang berasingan.

Mula-mula Majlis Serah Terima Tugas tersebut berlangsung di Dewan Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong di sini antara Pemangku Pengarah Jabatan Gerakan, ACP Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Sanip dengan Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei, SAC Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Damit.

Pertukaran tersebut adalah bagi ACP Awang Haji Zainal Abidin yang menjawat jawatan se-

Oleh Abu Bakar HAR

bagai Pemangku Pengarah Jabatan Gerakan dipindah menjadi Pengarah Jabatan Logistik di Jabatan Logistik.

Manakala SAC Pengiran Ahmad yang menjawat jawatan sebagai Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei ditukar menjadi Pengarah Jabatan Gerakan.

Sementara dalam satu acara yang berlangsung di Ibu Pejabat Polis Marin, Muara, Majlis

Penyerahan Tugas antara Pegawai Pemerintah Daerah Polis Muara/Marin, Penguasa Kanan Haji Bahar bin Asut yang ditukar menjadi Timbalan Pengarah Jabatan Gerakan dengan Ketua Urusetia

Pesuruhjaya Polis, Penguasa Kanan Zainuddin Jalani ditukar menjadi Pegawai Pemerintah Daerah Polis Muara/Marin yang bermula pada 1 Mei, 2001.



MAJLIS Menandatangani Serah Terima Tugas antara Pemangku Pengarah Jabatan Gerakan, ACP Haji Zainal Abidin bin Haji Sanip dengan Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei, SAC Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Damit. - Gambar oleh Hamadi HM.



PENYERAHAN tugas antara Pegawai Pemerintah Daerah Polis Muara/Marin, Penguasa Kanan Haji Bahar bin Asut dengan Ketua Urusetia Pesuruhjaya Polis, Penguasa Kanan Zainuddin Jalani. - Gambar oleh Hamadi HM.

Kebawah DYMM berkenan mengurniakan dan menerima watikah perlantikan

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada seorang bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan dan menerima tiga watikah perlantikan duta besar ke negara ini yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Baginda mula-mula mengurniakan watikah perlantikan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral Udara (B) Dato Paduka Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohammad.

Kemudian baginda menerima watikah perlantikan Duta Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ustaz Ibrahim Muhammed Musili, 63 tahun.

Baginda seterusnya berkenan menerima watikah perlantikan bakal Duta Besar Republik Austria ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Dr. Oswald Soukop, berusia 60 tahun.

Setelah itu baginda seterusnya menerima watikah perlantikan bakal Duta Besar Republik Islam Iran ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Abolfazl Mohammad Alikhani, 43 tahun.

Di ruang lain istana, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menerima menghadap secara berasingan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral Udara (B) Dato Paduka Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohammad.

Tuan Yang Terutama, 52 tahun, sebelum ini adalah bekas Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) sejak 1997 dan dinaikkan pangkat kepada Brigedier Jeneral dua tahun kemudian.

Oleh Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh Halim HS
dan Pg. Rafee PDPHM

Sejak menceburkan diri dalam bidang ketenteraan sebagai Pegawai Kadet pada Jun 1968, Tuan Yang Terutama juga pernah memegang beberapa jawatan penting dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei khususnya di ATUDB.

Tuan Yang Terutama juga telah dianugerahkan bintang-bintang kebesaran oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia antaranya DPMB Darjah Kedua pada tahun 1990 yang membawa gelaran Dato Paduka.

Kemudian baginda menerima menghadap Duta Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ustaz Ibrahim Muhammed Musili.

Tuan Yang Terutama pernah menjadi duta besar negaranya ke Kazakhstan pada tahun 1997. Tuan Yang Terutama berkelulusan dalam bahasa Inggeris dari Universiti Kaherah, Mesir dan mula menceburkan diri di Kementerian Luar Arab Saudi sebagai atase dalam tahun 1950.

Setelah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima menghadap Duta Besar Republik Austria yang tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Oswald Soukop.

Tuan Yang Terutama sebelum ini adalah bekas Pengarah Cawangan Perkhidmatan Kerakyatan di Kementerian Hal Ehwal Luar Austria. Beliau gemar kepada muzik serta boleh berbahasa Perancis dan seorang penerima Knight Commander of The Order of The White Elephant, darjah kebesaran daripada Raja Thailand.

Seterusnya baginda juga menerima menghadap Duta Besar

Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Tuan Abolfazl Mohammad Alikhani yang sebelum ini sebagai Pengarah di Jabatan ECO Iran.

Selain boleh bertutur bahasa Inggeris, Tuan Yang Terutama juga boleh berbahasa Turki. Tuan Yang Terutama berkelulusan M.A. dalam bidang Ekonomi Pembangunan dan Perancangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral Udara (B) Dato Paduka Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohammad, bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima watikah perlantikan Duta Besar Arab Saudi ke negara ini, Tuan Yang Terutama Ustaz Ibrahim Muhammed Musili (kiri), dari Duta Besar Republik Austria ke negara ini, Tuan Yang Terutama Dr. Oswald Soukop (tengah) dan dari Duta Besar Republik Islam Iran ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Abolfazl Mohammad Alikhani (kanan).

DPMM berangkat ke Istiadat Pertabalan Raja Perlis

KANGAR, 7 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis.

Istiadat yang penuh dengan upacara adat istiadat Negeri Perlis itu berlangsung di Istana Arau di sini.

Terdahulu dari itu keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota di istiadat tersebut telah dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda dan lain-lain kerabat diraja serta pembesar-pembesar Negeri Perlis.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya di junjung untuk naik ke atas pentas khas bagi menerima tabik hormat dan diikuti dengan mengumandangkan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Allah Peliharakan

Liputan Abu Bakar HAR
dari Negeri Perlis

Sultan.

Berangkat sama di majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat ke Majlis Istiadat Pertabalan Diraja ini adalah bagi mewakili Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin adalah raja yang ketujuh bagi Negeri Perlis dan baginda dimasyhurkan

sebagai raja bagi Negeri Perlis pada 17 April, 2000.

Baginda merupakan putera kedua di antara sepuluh orang putera dan puteri Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Budriah dan baginda diputerakan pada 17 Mei, 1943 di Arau, Perlis.

Berada di Lapangan Terbang Kepala Batas, Alor Setar, Kedah bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ialah Yang Amat Mulia Tengku Syarif Temenggung Perlis, Dato Seri Diraja Syed Amir Abidin dan Yang Mulia Cik Puan Temenggung Perlis.

Juga berada bagi mengalu-alukan majlis keberangkatan itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusoff dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Malaysia.

Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN di Yangon



Gambar-gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Menteri-menteri Luar ASEAN bergambar ramal semasa mengadakan kunjungan kepada Tuan Yang Terutama Jeneral Kanan Than Shwe, Ketua Negara Myanmar di Pyithu Hluttaw.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berbual mesra dengan Menteri Luar Myanmar, Tuan Yang Terutama Tuan U Win Aung sejeurus sebelum Majlis Makan Malam di Istana Karaweik pada 28 April (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia ketika berangkat menghadiri Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Myanmar.

Berangkat hadiri Majlis Makan Malam

YANGON, Myanmar, 29 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, telah berangkat menghadiri Majlis Makan Malam bagi merayakan Menteri-menteri Luar Negara-negara ASEAN dan isteri yang menghadiri Retreat Menteri-menteri Luar

ASEAN di Yangon, Myanmar.

Majlis Makam Malam diberikan oleh Tuan Yang Terutama Tuan U Win Aung, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Myanmar dan Puan San Yone, isteri Tuan Yang Terutama.

Selepas Majlis Makan Malam, Menteri-menteri Luar ASEAN telah mengadakan perbincangan mengenai persediaan bagi Retreat

Menteri-menteri Luar ASEAN pada 30 April.

Sementara itu pada 30 April, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah bersama Menteri-menteri Luar ASEAN dan isteri masing-masing juga menghadiri Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Khin Nyunt, Setiausaha Satu, Konsul Keamanan dan Pembangunan Myanmar, di Istana Karaweik.



DULI Yang Teramat Mulia berangkat menghadiri Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Khin Nyunt, Setiausaha Satu, Konsul Keamanan dan Pembangunan Myanmar di Istana Karaweik pada 30 April (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah bersama isteri Menteri-menteri Luar ASEAN menghadiri Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Myanmar dan Puan San Yone di Sedna Hotel pada 29 April.

Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN di Yangon

Kunjungan muhibah kepada Ketua Negara Myanmar

YANGON, MYANMAR, 30 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam bersama dengan rakan sejawat Menteri-menteri Luar ASEAN, telah memulakan Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN di Pun Hlaing, Yangon, Myanmar.

Di sebelah pagi, Duli Yang Teramat Mulia dan rakan-rakan sejawat ASEAN telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Tuan Yang Terutama Jeneral Kanan Than Shwe, Ketua Negara Myanmar bertempat di Pyithu Hluttaw.

Sebelum petang, Menteri-menteri Luar ASEAN menghadiri Retreat yang dipengerusikan oleh Viet-Nam sebagai Pengerusi Komiti Tetap ASEAN. Menteri-menteri Luar ASEAN juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu ASEAN termasuk perkembangan dalam rancangan pembangunan ASEAN.

Sementara itu pada 1 Mei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah mengadakan perjumpaan dua hala dengan Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Khin Nyunt, Setiausaha Satu, Konsul Keamanan dan Pembangunan Myanmar.

Semasa perjumpaan tersebut, kedua-dua menteri telah membincangkan cara-cara untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dengan Myanmar dan juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam ketika mengadakan perjumpaan dua hala dengan Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Khin Nyunt, Setiausaha Satu, Konsul Keamanan dan Pembangunan Myanmar.

Gambar-gambaroleh Pg. Haji Bahar PHO



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bersama Menteri-menteri Luar ASEAN yang lain mengabadikan gambar ramal semasa Retreat Tidak Rasmi Menteri-menteri Luar ASEAN di Pun Hlaing Golf Estate pada 30 April.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menghadiri Majlis Makan Tengah Hari semasa Retreat Tidak Rasmi Menteri-menteri Luar ASEAN di Pun Hlaing Golf Estate.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan menyaksikan persembahan kebudayaan di Istana Karawek.

Berangkat ke Hari Majlis



BERAKAS, 6 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Sambutan Hari Majlis Wanita yang diadakan di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi sambutan yang diketuai oleh Yang Dipertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD), Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak

Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Anni Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Datin Hajah Masni dalam sembah alu-aluannya di majlis itu menyentuh mengenai atur cara sambutan Hari Majlis Wanita tahun ini yang memfokuskan perhatian kepada

'Kesihatan Makanan' pameran.

Menyen...
lis forum...
sebelah p...
Masni ber...
meningkatkan...
wanita men...
keselamatan...
mana ini se



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam sejeurus tiba di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan, Berakas (atas). Sementara gambar kiri, baginda berkenan menyaksikan Pameran Kesihatan dan Keselamatan Makanan yang dipamerkan oleh sebuah syarikat tempatan. Manakala gambar kanan, baginda berkenan mengurniakan Sijil dan Surat Penghargaan kepada seorang ahli Jawatankuasa Lembaga Tadbir Majlis Wanita yang bergiat cergas dan berkhidmat secara sukarela.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima penerangan ringkas mengenai keselamatan makanan yang dipamerkan oleh sebuah syarikat pengeluar makanan tempatan (kanan). Sementara gambar bawah, Yang Dipertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali menyebarkan ucapan alu-aluan di Sambutan Hari Majlis Wanita.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Anni Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani menyebarkan ucapan alu-aluan di Sambutan Hari Majlis Wanita tahun ini yang memfokuskan perhatian kepada 'Kesihatan Makanan' pameran. (gambar atas dan kanan).



RADAT, HADRAH SENI BUDAYA ORANG MELAYU

ASAS penonjolan radat sebagai salah satu seni berunsur Islam, di mana lagu-lagu berbahasa Arab yang dibawakan dalam radat itu, berupa puji-pujian kepada Allah dan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berdasarkan kepada ayat-ayat dikir yang terkandung dalam kitab dikir tertentu.

OLEH SITI MUSLIHAT HS

ERA perkembangan teknologi telah banyak mengubah corak kehidupan manusia dalam pelbagai aspek kehidupan. Kemunculan teknologi juga telah banyak memberikan kemudahan dan peralatan-peralatan moden yang canggih sesuai dengan perkembangan sejagat.

Bagaimanapun apa yang diharapkan perubahan zaman tidak akan mengubah adat dan budaya orang Melayu yang telah lama diwarisi dan yang paling penting ianya tidak akan menggugat akidah dan hukum-hukum agama Islam.

Memperkatakan mengenai seni budaya orang-orang Melayu ini, seni hadrah adalah satu bidang seni yang kekal bertahan dan masih dipraktikkan di musim-musim perayaan, hari-hari kebesaran dan acara-acara keramaian.

Menurut seorang penulis, Rosli bin Murni dalam karangannya di Majalah Beriga (2) Januari - Mac 1984, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka menggariskan bahawa seni hadrah berdasarkan kaji selidik dengan beberapa orang guru hadrah di negara ini telah mula berkembang dalam tahun 30-an.

Menurutnya, hadrah dikembangkan dari negeri jiran iaitu Sarawak melalui dua cara iaitu menerusi kedatangan ahli peniaga Islam Sarawak yang disebut sebagai 'Orang Kuching' dan melalui kunjungan orang atau peniaga Brunei ke Negeri Sarawak.

Beliau juga menggariskan bahawa hadrah mula-mula diperkenalkan kepada penduduk Kampong Melayu Asli di Kuala Belait oleh beberapa orang pekerja dari Sarawak di awal tahun 1930-an yang mana mereka ini datang ke Brunei sebagai pekerja 'British Malayan Petroleum Company' berserta dengan alat-alat hadrah mereka.

Ketahanan seni hadrah ini sangat membanggakan kerana ianya masih mampu bertahan sehingga ke hari ini.

Bagaimanapun adakah ramai orang yang mengenali atau pernah mendengar mengenai kewujudan satu lagi seni budaya lama yang pernah diamalkan di negara ini. Seni budaya yang dimaksudkan ialah seni 'radat'.

Dalam mengulas makna radat, beliau mengatakan tidak ada tercatat dalam kamus-kamus yang pernah dirujuknya. Bagaimanapun apa yang ada ialah perkataan rodad. Dengan demikian beliau merumuskan bahawa radat itu adalah sebutan orang Brunei bagi sinonim kata rodad dalam Bahasa Melayu yang hampir sama maksudnya.

Pembentang kertas kerja selanjutnya memperkatakan mengenai radat ini tidak dapat dipastikan secara khusus bila radat itu mula bertapak di Brunei.

Berbalik kepada kedua jenis seni budaya ini, beliau meyakinkan bahawa kedua-duanya adalah kesenian rakyat tetapi mempunyai perbezaan dan ciri-ciri tersendiri, baik dari segi lagu, pukulan gendang dan persembahan.

Radat pada lazimnya disertai dengan tarian yang ditarikan oleh orang lelaki seramai 15 hingga 20 orang. Rabana atau tar merupakan alat muzik tunggal yang digunakan untuk mengiringi radat.

Pada masa lalu rabana atau tar yang digunakan untuk radat berukuran agak besar sedikit berbanding dengan rabana atau tar yang digunakan untuk hadrah pada masa ini.

Pada masa dahulu radat kebiasaannya dipersembahkan dalam majlis-majlis perkahwinan, majlis berbedak, berkhatan, menunaikan nazar atau sesuatu hajat.

Pengual sambil memukul rabana atau tar akan berlagu manakala penari pula akan menari dan menyahut lagu

pengual pada had tertentu.

Jika dikaitkan dengan agama, radat itu melafazkan lagu-lagu puji-pujian kepada Allah dan Rasul-Nya, kitab Al-Quran sebagai panduan hidup, para ulama dan sebagainya.

Pada memberikan kesimpulan mengenai radat, beliau mengatakan radat ini sudah setentunya tidak banyak yang mengetahuinya kerana menurutnya, radat ini sudah terkubur hampir 59 tahun yang lalu iaitu sejak pendudukan Jepun di Brunei dalam tahun 1942.

Setelah pendudukan Jepun pada tahun 1945, mereka yang sebelumnya aktif dalam radat telah bertukar minat untuk mempelajari 'hadrah' kerana Radat sudah 'kerindihan' oleh hadrah pada masa itu.

Di samping itu para penggiat radat katanya, sudah tidak berminat lagi untuk meneruskan radat, lebih-lebih lagi golongan remaja lelaki yang biasa menjadi penari radat sebelum itu, tidak lagi mahu menari kerana sudah malu untuk menari di khalayak ramai.

Dengan adanya faktor terse-

but tambahannya, secara langsung telah menghambat pertumbuhan radat itu untuk terus berkembang dan akhirnya berkebur sendiri.

Dalam menghidupkan semula seni warisan budaya seperti radat ini, pembentang kertas kerja melahirkan penghargaan kepada pihak penganjur iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atas usaha menghidupkan seni budaya lama ini selagi ianya tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam dan falsafah negara iaitu 'Melayu Islam Beraja.'



RADAT merupakan kesenian rakyat yang menggabungkan tiga ciri dalam konsep persembahannya iaitu lagu, gendang dan tari. - Gambar oleh Masri Osman.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith ketika menerima kunjungan muhibah Setiausaha Tetap Pertama, Kementerian Pertahanan Republik Singapura, Tuan Peter Ho Hak Ean. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Hubungan ketenteraan Brunei - Singapura terus diperkukuh

BERAKAS, 30 April. - Hubungan ketenteraan antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura terus diperkukuh dengan adanya pertukaran lawatan ketenteraan sama ada di peringkat rendah mahupun di peringkat tinggi.

Kemesraan dan persefahaman hubungan kedua-dua buah Kementerian Pertahanan itu jelas nyata apabila Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam menerima kunjungan muhibah daripada Setiausaha Tetap Pertama, Kementerian Pertahanan Republik Singapura, Tuan Peter Ho Hak Ean dan rombongan ke negara ini.

Salah satu atur cara lawatan tersebut termasuklah kunjungan muhibah Tuan Peter Ho Hak Ean kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Oleh Abu Bakar HAR

Hadir di majlis kunjungan tersebut yang berlangsung di Kementerian Pertahanan itu termasuklah kedua-dua Setiausaha-setiausaha Tetap di kementerian berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar.

Setiausaha Tetap Pertama Kementerian Pertahanan Republik Singapura dan rombongan berada di negara ini bagi lawatan kerja selama dua hari.

50 penyelia hadir perhimpunan

BERAKAS, 29 April. - Kementerian Perhubungan telah menganjurkan perhimpunan penyelia-penyelia bagi para pegawai jabatan-jabatan di bawah kementerian berkenaan yang dilangsungkan di Taman Rekreasi Hutan Berakas di sini.

Kira-kira 50 orang menyertai perhimpunan tersebut yang mewakili Jabatan Penerbangan Awam; Laut; Pengangkutan Darat; Telekom; Perkhidmatan Pos dan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dengan bertemakan 'Kecemerlangan Organisasi Kecemerlangan Awda'. Dalam perhimpunan itu para peserta dibahagikan kepada enam kumpulan.

Oleh Haji Ahmad HS

Setiap kumpulan telah membincangkan dan memfokuskan kepada tajuk-tajuk antaranya kepimpinan dan pemeduliaan, 'appreciation and recognition', kualiti dan produktiviti, penilaian prestasi dan keadilan, alihan paradigma dan tahap kesedaran dan komunikasi dan kawalan.

Perhimpunan sehari itu bertujuan untuk mengeratkan lagi tali silaturahim antara mereka, di samping bertukar-tukar pendapat dan pengalaman masing-masing.

Menanai nama baik, imej PDB

LAKSANA TUGAS PENUH DEDIKASI, BERDISIPLIN

Oleh Abu Bakar HAR

GADONG, 27 April. - Anggota Pasukan Polis Diraja Brunei diingatkan supaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, komited, berdisiplin, jujur serta amanah dalam sama-sama menanai nama baik dan imej Pasukan Polis Diraja Brunei selaku ejen penguatkuasa undang-undang yang tertua di negara ini.

Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman membuat peringatan tersebut di Majlis Upacara Perbarisan Tamat Latihan Bagi Pegawai Kadet Skwad 1/2000 yang berlangsung di Padang Kawad Pusat Latihan Polis, Gadong.

Sementara sikap dedikasi, komited, berdisiplin, jujur dan amanah merupakan antara nilai-nilai yang bukan saja dituntut oleh agama, malahan adalah penting bagi Pasukan Polis Diraja Brunei dalam memastikan integriti, kredibiliti dan kewibawaan pasukan polis di mata masyarakat tidak akan terjejas, tegas Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei.

Oleh itu, selaku pegawai di dalam pasukan polis, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman menyeru supaya sentiasa menunjukkan contoh teladan yang baik dalam sama-



PEMANGKU Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman ketika memeriksa perbarisan tamat latihan bagi Pegawai Kadet Skwad 1/2000. Majlis berlangsung di Padang Kawad Pusat Latihan Polis, Gadong. - Gambar oleh Ramli Tengah.

sama melaksanakan tugas secara berpasukan sejajar selaku seorang pegawai yang dilihat sebagai seorang pemimpin di kalangan anggota peringkat rendah.

Di majlis tersebut, seramai 10 orang Pegawai Kadet telah menerima sebilah pedang di mana dua daripadanya adalah Pegawai Kadet Wanita sementara muncul sebagai Pegawai Kadet terbaik dalam semua

jurusan ialah Awang Haji Hasul Fikri bin Haji Metussin.

Pegawai-pegawai Kadet Skwad 1/2000 menjalani latihan selama sembilan bulan di Pusat Latihan Polis yang berbentuk latihan asas kepolisian yang merangkumi aspek-aspek pembelajaran undang-undang dan pembentukan nilai-nilai disiplin diri sebagai petunjuk ke arah menjadi seorang pegawai polis yang terlatih.



PEMANGKU Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman menyampal cenderamata kepada seorang Pegawai Kadet terbaik. - Gambar oleh Ramli Tengah.

MARILAH kita terus berusaha meningkatkan takwa dan iman kita kepada Allah Subhanahu Wataala, dengan terus mengerjakan amal-amal salih dan meninggalkan serta menjauhi segala apa jua larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi hamba Allah yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Dalam kita menjalani kehidupan di muka bumi ini, kita tidak akan terlepas dari tanggungjawab sebagai seorang hamba Allah dan manusia. Apa yang dimaksudkan dengan tanggungjawab kita selaku hamba Allah ialah dengan beriman hanya kepada-Nya dan mentaati segala perintah dan suruhan-Nya, sekali gus menjauhi diri dari apa yang ditegah dan mungkar. Manakala tanggungjawab kita selaku manusia pula ialah menjaga kemaslahatan diri sendiri, keluarga dan mereka yang berada di sekeliling kita. Dan kita juga tidak akan dapat lari dari tanggungjawab untuk bekerja dalam mencari rezeki bagi menampung keperluan hidup yang sememangnya memerlukan tempat tinggal, makan minum serta pakaian supaya kehidupan kita lebih teratur dan selesa.

Bekerja dalam usaha untuk mencari rezeki adalah wajib, bahkan bekerja juga diibaratkan sebagai satu ibadat kepada Allah Subhanahu Wataala. Namun begitu Islam amat menitikberatkan bentuk dan cara rezeki itu diperolehi serta menggariskan bagaimana seharusnya rezeki atau harta tersebut digunakan. Ini kerana rezeki boleh didapati melalui dua sumber iaitu sama ada ia melalui jalan halal atau haram. Sebagai umat Islam, tentulah kita diwajibkan untuk mendapatkan rezeki yang halal dan menjauhi yang haram. Namun hakikatnya pada masa ini terdapat sebilangan manusia yang lebih gemar memilih jalan haram berbanding yang halal dan diredai Allah Subhanahu Wataala. Buktinya jenayah rasuah, curi, rompak, penipuan bahkan penyeludupan dan sebagainya sering kita dengar dan tonton di media-media massa. Ini menunjukkan betapa mereka lebih suka menuruti hawa nafsu serta mengambil jalan mudah untuk senang mendapat hasil dan kaya tanpa memikirkan risiko dan kerugian yang bakal ditanggungnya.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-An'nam ayat 142 yang tafsirannya:

"Makanlah dari apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepadamu, dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata."

Dan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Akan datang kepada manusia suatu zaman di mana orang tidak lagi peduli apakah harta yang diperolehinya halal atau haram." (Riwayat Bukhari).

Sesungguhnya terdapat banyak cara untuk kita mencari nafkah dan rezeki yang halal lagi diberkati. Apa yang penting ianya tidak menyalahi hukum syarak, kerana selain dari bekerja makan gaji, kita boleh sahaja berusaha sendiri dengan menjalani perniagaan walaupun secara kecil-kecilan, ataupun bertani dan bercucuk



tanam, menangkap ikan dan sebagainya. Rezeki Allah di muka bumi ini amat luas, yang tinggal hanyalah kita perlu berusaha dan bekerja untuk mendapatkannya. Akan tetapi malangnya terdapat segelintir masyarakat yang masih mengamalkan sikap memilih kerja yang akhirnya menjadi punca negara mengalami masalah pengangguran yang semakin meningkat jumlahnya dari tahun ke setahun.

Sumber rezeki yang asalnya halal boleh juga bertukar menjadi syubhat dan haram jika terdapat penyelewengan dalam pengumpulannya ataupun yang bercanggah dengan hukum-hukum Islam, seperti amalan rasuah, riba dan tidak amanah ketika menjalankan tugas, menipu ketika dalam urusan perniagaan sama ada penipuan dari segi timbangan, kualiti, kuantiti dan sebagainya, ataupun menjual yang haram seperti menjual arak, daging yang tidak halal, dadah atau syabu, mahupun barang-barang yang diseludup dan lain-lain. Perkara seumpama ini tidak seharusnya dilakukan, lebih-lebih lagi kita sebagai umat Islam sememangnya telah mengetahui bahawa perbuatan

Mencari rezeki adalah wajib

DAPATKAN REZEKI YANG HALAL

menggelapkan hati dan fikiran kita dari menerima hidayah dan kebenaran, yang akhirnya hidup kita akan terus berada dalam kegelapan dan kesesatan. Namun yang paling pasti ialah kita akan menerima seksaan azab api Neraka Jahannam, sebagaimana boleh kita ambil pengajaran dari hadis sahih riwayat Al-Bukhari yang bermaksud:

"Orang yang paling dirundung penyesalan pada Hari Kiamat ialah orang yang memperoleh harta dari sumber yang tidak halal lalu menyebarkannya masuk Neraka."

Adapun dalam keghairahan kita bekerja dan mencari rezeki, janganlah sampai kita melupakan kewajipan beribadat terhadap Allah Subhanahu Wataala, Tuhan yang telah melimpahkan rezeki, nikmat dan rahmat kepada hambahamba-Nya. Ini kerana terdapat sebilangan manusia yang sering menjadikan kesibukan bekerja sebagai alasan untuk menanggung-nangguhkan ibadat salat dari waktu yang sepatutnya, ataupun tidak melaksanakannya langsung. Begitu juga dengan kewajipan zakat harta yang selalu diketepikan dan tidak diperendahkan oleh mereka yang telah pun memenuhi syarat kewajipan tersebut. Amalan sedekah juga patut diamalkan dan disuburkan dalam jiwa sebagai salah satu cara untuk memberkati lagi rezeki halal yang telah kita perolehi dan sebagai tanda bahawa kita mensyukuri kelebihan nikmat

rezeki dari Allah Subhanahu Wataala dan agar kesenangan yang kita perolehi dapat dikongsi sama dengan insan lain terutama kepada mereka yang memerlukan bantuan.

Di situ jelas terbukti betapa pentingnya kita mencari rezeki yang halal lagi diberkati kerana implikasinya terhadap kehidupan seharian kita, di mana rezeki yang berkat boleh membawa kebahagiaan diri dan keluarga. Oleh yang demikian hendaklah kita sentiasa menanamkan sifat jujur dan amanah ketika bekerja dan janganlah kita merasa malu jika pekerjaan yang kita laku-

kan tersebut bukan dari jawatan tinggi atau membanggakan, kerana apa yang penting ialah rezeki yang kita perolehi tersebut datang dari sumber yang bersih, elok dan halal.

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Nahl ayat 114 yang tafsirannya:

"Oleh itu, makanlah wahai orang-orang yang beriman dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata."

SUMBER rezeki yang asalnya halal boleh juga bertukar menjadi syubhat dan haram jika terdapat penyelewengan dalam pengumpulannya ataupun yang bercanggah dengan hukum-hukum Islam, seperti amalan rasuah, riba dan tidak amanah ketika menjalankan tugas, menipu ketika dalam urusan perniagaan sama ada penipuan dari segi timbangan, kualiti, kuantiti dan sebagainya, ataupun menjual yang haram seperti menjual arak, daging yang tidak halal, dadah atau syabu, mahupun barang-barang yang diseludup dan lain-lain.

وقت سمبھيغ، امساك، شوروک دان ضحي									
وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروک دان ضحي باكي دائره برولي دان مواري مولاى دارى هاري رابو، 15 صفر 1422 بوسمات 9 مي 2001 هيگ كهاري ثلاث، 21 صفر 1422 بوسمات 15 مي 2001 ادانه سفرت دباوه ايت :-									
هجره	ظھر	عصر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروک	ضحى	مسيحي
صفر									مي
15	12.18	3.38	6.27	7.38	4.36	4.46	6.06	6.31	9
16	12.18	3.38	6.27	7.38	4.36	4.46	6.06	6.31	10
17	12.18	3.38	6.27	7.38	4.36	4.46	6.06	6.30	11
18	12.18	3.39	6.27	7.39	4.36	4.46	6.06	6.30	12
19	12.18	3.39	6.27	7.39	4.35	4.45	6.06	6.30	13
20	12.18	3.39	6.27	7.39	4.35	4.45	6.06	6.30	14
21	12.18	3.39	6.27	7.39	4.35	4.45	6.06	6.30	15

وقت ۲ سمبھيغ باكي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلا يت دتمبه ليگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة لسلوروه نگارا برولي دارالسلام مولاى دري فوکل 12 45 تھاري.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalibie Wasahbihie Waman Walah.

BERUBAT DENGAN BENDA-BENDA NAJIS

TIDAK dinafikan, ada juga antara penyakit itu yang sukar ditemui ubatnya. Sebahagiannya pula boleh disembuhkan dengan menggunakan ubat-ubatan daripada benda-benda najis iaitu berdasarkan pengalaman orang-orang terdahulu.

Oleh kerana itu, menurut pendapat yang asah dalam Mazhab Syafi'e, adalah harus berubat dengan segala benda najis, kecuali yang memabukkan, dengan alasan bahawa berubat itu adalah merupakan perkara darurat. Sedangkan darurat itu mengharuskan kita mengambil apa yang ditegah, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Dan sesungguhnya Allah telah menerangkan kepada kamu satu-persatu apa yang diharamkan-Nya atas kamu, kecuali yang terpaksa kamu memakannya." (Surah Al-An'aam: 119).

Berdasarkan ayat tersebut dan ayat-ayat seumpamanya, maka para ulama telah menggariskan kaedah yang ertinya:

"Keadaan-keadaan darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang dilarang."

Walau bagaimanapun, penggunaan najis sebagai ubat itu masih juga terikat dengan tidak melampaui batas, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala



IRSYAD HUKUM
DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

yang tafsirnya:

"Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang dia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah dia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun Lagi Maha Mengasihani." (Surah Al-Maa'idah: 3). Firman-Nya lagi yang tafsirnya:

"Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak pula

BERUBAT DENGAN BENDA NAJIS

**Bilangan 120
Bahagian Akhir**

Radiallahuanhu maksudnya:

"Bahawa serombongan suku 'Ukal seramai lapan orang datang menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, lalu mereka berikrar kepada Nabi untuk masuk Islam. Kemudian cuaca Kota Madinah merimaskan mereka dan mengakibatkan tubuh badan mereka sakit-sakit, lalu mereka mengadakan hal itu kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam." Baginda bersabda kepada mereka: "Barangkali elok kamu pergi

bersama tukang gembala kami kepada untanya, kemudian kamu dapatkan air kencing dan susunya." Mereka menjawab: "Baiklah." Mereka pun pergi dan meminum susu dan kencing unta itu, setelah itu mereka pun sihat. Tetapi kemudian mereka membunuh tukang gembala Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu dan merampas unta-untanya. (Hadis riwayat Bukhari).

Walau bagaimanapun, Imam An-Nawawi ada menyebutkan lagi daripada pendapat lain. Bahawa keharusan berubat dengan na-

jis itu hanyalah dibolehkan apabila tidak ditemui ubat yang suci yang boleh menggantikannya. Jika ada ubat yang suci, maka haramlah berubat dengan najis tersebut.

Sebagaimana Al-'Izz bin Abdussalam Rahimahullah berkata yang ertinya:

"Harus berubat dengan najis apabila tidak ada ubat yang suci yang boleh menggantikannya, kerana maslahat kesihatan dan kesejahteraan itu lebih sempurna berbanding dengan maslahat menjauhi najis. Dan tidak harus berubat dengan arak mengikut pendapat yang asah."

BAHAWA keharusan berubat dengan najis itu hanyalah dibolehkan apabila tidak ditemui ubat yang suci yang boleh menggantikannya. Jika ada ubat yang suci, maka haramlah berubat dengan najis tersebut.

Oleh yang demikian, berdasarkan daripada penjelasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa berubat untuk menyembuhkan penyakit itu adalah perkara yang digalakkan dalam Islam. Ubat-ubatan yang digunakan hendaklah daripada benda-benda yang halal dan suci. Di samping itu, harus berubat dengan benda-benda yang najis selain sesuatu yang memabukkan jika tidak ada ubat lain yang suci sebagai penggantinya.

Beberapa faktor untuk membersihkan jiwa

ALlah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya telah menjelaskan bahawa pada umumnya terdapat beberapa faktor penting yang boleh membersihkan jiwa dan boleh mempertingkatkan seseorang itu ke tahap yang tinggi dan mulia di sisi Allah dan umat manusia.

1. Memastikan hubungan dengan Allah Subhanahu Wataala sentiasa di dalam keadaan baik dan terpelihara.
2. Segala barang yang masuk di dalam tubuh badan hendaklah bersih dan halal sama ada makanan, minuman dan lain-lainnya.
3. Berusaha mengikut dan mengamalkan Sunnah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam apa keadaan dan suasana pun.
4. Memastikan segala hubungan kita sesama manusia dan makhluk-makhluk lain di dalam keadaan baik dan terpelihara.

Sebagai hamba Allah hendaklah memastikan keadaan kehidupan kita seharian sentiasa berada di dalam pengawasan Allah. Dengan demikian akan lahiriah segala lintasan hati, gerakan lidah dan lakonan perbuatan menuju ke arah pengampunan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wataala. Tiada yang ditakutkan dan hidup ini melainkan kepada Allah sahaja.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 112 yang bermaksud:

"(Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar) bahkan sesia-



Menuju Keredaan Allah

pa yang menyerahkan dirinya kepada Allah (mematuhi perintah-Nya) sedang ia pula berusaha supaya baik amalannya maka ia akan dapat pahalanya pada sisi Tuhannya, dan tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita."

Sesungguhnya bagi mereka yang memutuskan hubungan dengan Allah maka mereka akan ditimpa kehinaan, kerugian dan hidup di dalam keadaan keluh-kesah.

Berhubung dengan makan makanan yang baik itu ialah memastikan bahawa zat barang tersebut halal dan tidak memudaratkan dan memastikan sumber pendapatan dan cara menda-

patkannya adalah daripada cara yang halal serta bukan dengan jalan yang haram. Dari itu setiap Muslim mestilah berwaspada dan berhati-hati agar tidak terlibat di dalam kegiatan-kegiatan haram seperti rasuah, penipuan, curi, penyelewengan dan sebagainya, sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 29 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah makan (gunakan) harta-harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya) kecuali dengan (jalan) perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu."

Dalam kehidupan kita yang begitu mencabar ini, maka hendaklah kita sebagai Muslim memastikan kehidupan dan cara hidup kita mengikut dan berpegang dengan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, kerana dengan cara itu sahaja kita akan memperolehi keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Dalam hubungan kita sesama insan, kita mestilah mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan yang boleh menimbulkan perpecahan sesama Islam dan sebaliknya kita mestilah berganding bahu dan bersatu padu dalam segenap usaha untuk memelihara serta membangun dan memajukan negara, bangsa dan agama.

Timbulkan seni budaya yang relevan

BERAKAS, 30 April. - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dayang Hajah Azizah berkata, untuk menimbulkan kembali sesuatu unsur seni budaya yang sudah lama terpendam, tidak cukup dengan hanya berpandukan rasa nostalgia atau rasa bangga dengan pencapaian masa lampau.

"Dalam hal ini, para penggiat budaya perlu bertanya, apakah relevannya seni budaya yang hendak ditimbulkan itu dengan kehidupan masa kini dan dapatkah ia dikembangkan seterusnya untuk menjana pertumbuhan sosiobudaya masa kini.

Beberapa contoh dapat dikemukakan di sini setiap tahun dalam acara-acara perayaan akan diadakan demonstrasi kaedah memerah galagah dengan menggunakan candasan, semata-mata atas dasar rasa nostalgia, pada hal alat candasan itu tidak lagi berfungsi atau relevan dengan zaman sekarang," jelasnya untuk melihat budaya lama yang sering diketengahkan.

Sementara itu mengamping, menutuk padi, menohor atap hanya berguna untuk pameran muzium, tetapi tidak relevan dengan kegiatan ekonomi sekarang, lebih-lebih lagi yang berlandaskan Teknologi Infokomunikasi (ICT), jelasnya.

Berucap di Pertemuan Radat dan Hadrah Kebangsaan 2001, Datin Paduka seterusnya berharap agar kajian dapat dilakukan ke atas seni hadrah yang dapat bertahan hingga sekarang di negara ini yang



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dayang Hajah Azizah ketika berucap di Pertemuan Radat dan Hadrah Kebangsaan 2001.

mana seni radat hampir pupus kegunaannya, sedangkan kedua-duanya dibawa masuk ke negara ini untuk kegunaan yang sama, kata Datin Paduka.

Datin Paduka juga melahirkan harapan agar keputusan atau resolusi di akhir pertemuan itu akan dapat sekurang-kurangnya mengambil kira dua perkara iaitu peranan irama seni radat dan hadrah dalam budaya orang Melayu Brunei dan kesesuaian seni radat dan hadrah dalam kehidupan sekarang.

"Oleh yang demikian, biskita yang lebih arif mengenai seni radat dan hadrah dalam pertemuan ini, akan berbincang dan membuat resolusi yang menjurus untuk memartabatkan semula seni budaya yang pada suatu ketika dahulu pernah berperanan signifikan dalam kehidupan orang Melayu di negara ini.

Oleh Siti Muslihat HS
Gambar-gambar oleh Masri Osman

Tentunya resolusi tersebut akan mengambil kira dua perkara iaitu fundamental pada radat dan hadrah dan relevannya dalam kehidupan masa kini," tambah Datin Paduka lagi.

Sementara itu, Ketua Pegawai Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Mohd. Amin selaku Pengerusi pertemuan itu semasa berucap terdahulu menjelaskan, pertemuan tersebut dapat dijadikan model percambahan pemikiran terbaharu di kalangan peserta.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan katanya, melalui Bahagian Kebudayaan akan sentiasa merencana program kebudayaan yang lain bagi melengkapi apa-apa jua kekurangan yang masih ketara.

Antara tujuan pertemuan ini diadakan ialah untuk mengembangukan permainan radat dan hadrah di kalangan masyarakat Brunei, mengenal pasti asal-usul dan sejarahnya mengikut kajian akademik dan memelihara serta mempertingkatkan sebagai warisan budaya bangsa Melayu Brunei yang murni dan menjadi hak

PARA penggiat budaya perlu bertanya, apakah relevannya seni budaya yang hendak ditimbulkan itu dengan kehidupan masa kini dan dapatkah ia dikembangkan seterusnya untuk menjana pertumbuhan sosiobudaya masa kini.

milik tulen bangsa Melayu Brunei.

Pertemuan itu dihadiri oleh lebih 100 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai pendidikan, pegawai-pegawai kerajaan daripada beberapa buah jabatan, penuntut sekolah menengah dan rendah dan juga persendirian.

Radat adalah sejenis persembahan nyanyian dan tarian yang dipersembahkan sambil memukul rebana. Menurut

ensiklopedia sejarah dan kebudayaan Melayu, Radat (Brunei Darussalam), Rudat (Pesisir Timur Kalimantan), Redat (Sambas) atau Rodat (Semanjung Malaysia khususnya Negeri Terengganu) adalah permainan kesenian rakyat yang menggabungkan muzik, tarian dan nyanyian.

Sementara permainan hadrah merupakan seni budaya yang masih diamalkan ketika ini sejak ianya mula diperkenalkan dalam tahun 30-an.



LEBIH 100 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai pendidikan, pegawai-pegawai kerajaan daripada beberapa buah jabatan, penuntut-penuntut sekolah menengah dan rendah dan juga persendirian menghadiri Pertemuan Radat dan Hadrah Kebangsaan 2001.



PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA

BUDAYA bergotong-royong atau dalam bahasa Brunei 'memucang-mucang' merupakan salah satu adat orang-orang Melayu dalam mengukuhkan sesuatu kerja, terutamanya kerja-kerja berat seperti urusan-urusan perkahwinan, membina rumah, membersihkan kawasan perkuburan dan sebagainya. Budaya ini, yang pada masa dahulunya menjadi 'kelumrahan' orang-orang kitani, sekarang boleh dianggap semakin terhakis sama seperti nilai dan aspek kebudayaan yang lain.

Sebab utama mengapa senario ini terjadi ialah kerana kepentingan budaya bergotong-royong itu tidak begitu diambil peduli atau disedari oleh segelintir masyarakat. Matlamat utama bergotong-royong itu ialah untuk mengeratkan tali silaturahmi antara sesama insan. Contohnya, setengah orang lebih gemar menguruskan pekerjaan itu sendiri kerana mereka khuatir akan menyusahkan jiran atau saudara-mara mereka jika ingin mendapatkan pertolongan.

Keadan ini berpunca daripada kegagalan sesebuah institusi keluarga atau masyarakat itu sehingga menyebabkan kerenggan dalam hubungan di antara sesama jiran, saudara atau keluarga sehingga menyebabkan timbulnya rasa malu untuk meminta tolong, rasa curiga, sangsi atau tidak percaya dan sebagainya.

Di samping itu, ia juga disebabkan oleh sifat dan pemikiran individu yang tidak terbuka. Sebagai sebahagian daripada masyarakat, seseorang itu tidak boleh 'camah mata' dan 'jadi tunggul' sahaja apabila jiran atau saudaranya mengusahakan sesuatu pekerjaan. Setengah individu memberikan pelbagai alasan untuk lari daripada menolong jiran tetangga atau saudara mahupun terlibat dalam bergotong-royong seperti sibuk dengan kerja pejabat, tidak ada masa dan sebagainya. Jika sifat macam 'si tamburaku' ini sudah terasmi dalam setiap diri individu, matlamat utama bergotong-royong itu tentu sekali tidak akan tercapai.

Akhir-akhir ini telah timbul pelbagai alternatif dalam mengukuhkan sesuatu pekerjaan itu. Di antaranya ialah dengan mengupah

Masyarakat Brunei kurang mempeduli kepentingannya

orang lain untuk melaksanakan pekerjaan tersebut seperti 'catering', pekerja-pekerja kontraktor dan sebagainya. Cara ini dianggap mudah dan cepat walaupun mempunyai kos yang lebih tinggi sedikit. Ini membuatkan budaya gotong-royong itu semakin dilupakan oleh masyarakat.

Apakah yang harus kita lakukan untuk mengelakkan budaya gotong-royong itu daripada terus terhakis? Yang penting sekali ialah kita harus memahami dahulu mengapa bergotong-royong itu harus dijadikan lumrah masyarakat kita dengan menghayati matlamat dan kebaikan daripada budaya bergotong-royong tersebut.

Ketua masyarakat khususnya pengulu dan ketua kampung berperanan penting dalam memastikan budaya yang luhur ini akan tetap diturunkan kepada generasi yang akan datang. Aktiviti-aktiviti permuzakarah hendaklah diperbanyakkan dan dijadikan kebiasaan dalam bermasyarakat. Di sinilah menonjolnya peranan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Majlis Kejiranan Kampung dan sebagainya.

Ada beberapa garis panduan dalam hidup berkeluarga, berjiran dan bermasyarakat. Sentiasa saling tolong-menolong merupakan salah satu daripadanya. Kepala keluarga berperanan dalam memastikan ahli-ahli keluarga yang lain memahami pentingnya menanam budaya ini di dalam jiwa masing-masing. Mereka juga harus memastikan hubungan antara setiap ahli keluarga dengan yang lain dan dengan masyarakat tidak renggang sehingga menyebabkan mereka mempunyai masalah berurusan antara satu

dengan yang lain.

Setiap individu harus sedar akan peranan mereka dalam masyarakat. Kita harus menyokong segala usaha-usaha yang cuba diukuhkan oleh ketua kampung atau ketua keluarga dan Majlis Perundingan Mukim/Kampung atau organisasi dengan cara ikut serta dalam apa-apa jua program yang dilaksanakan. Sifat 'mengayam hutan' tidak harus ada di dalam diri setiap individu. Dengan cara bermuzakarah atau bergotong-royong pemikiran seseorang itu akan lebih terbuka dan berpandangan jauh.

Agama Islam sendiri menuntut kita untuk tidak mementingkan diri sendiri, mengambil berat terhadap jiran tetangga serta saudara-mara sehingga Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda, "Tidak beriman seseorang kamu melainkan ia mencintai saudaranya sama seperti dirinya sendiri." Kepentingan budaya bergotong-royong tidak dapat disangkal lagi. Namun demikian jika masyarakat kita macam 'minyak dengan aying', belum tentu hasrat untuk mengukuhkan budaya gotong-royong itu terlaksana. Semua pihak harus bersatu padu dalam menghasilkan satu suasana masyarakat yang stabil, agar masyarakat kita mampu bersaing dalam apa-apa jua bidang sekalipun.

Md Shah Rizal Amir bin Hj Mohiddin,
No. 5 Spg 236-4, Kampong Katok,
Jalan Tungku, Gadong BE2319,
No. k/p: 293525.

Menjalin ikatan kekeluargaan

KONSEP bergotong-royong adalah amalan budaya Melayu kita yang diterapkan oleh datuk nenek kita dahulu. Mungkin tidak keterlaluan jika disama ertikan dengan peribahasa 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'. Dalam erti kata lain bila membuat sesuatu pekerjaan biarlah sama-sama melibatkan diri tanpa melihat pada status, kedudukan dalam masyarakat, etnik, agama dan sebagainya.

Bila ditinjau daripada perspektif sejarah, masyarakat Brunei tradisi tinggal di Kampong Ayer. Setiap rumah mempunyai pertalian keluarga yang sangat erat yang menyebabkan amalan budaya gotong-royong dipupuk dan diasuh dalam masyarakat itu. Contohnya bila membuat rumah, keluarga terdekat dan jiran yang berhampiran akan memberi khidmat bantuan seperti mengambil pokok kayu untuk tiang rumah dan sebagainya. Jadi sikap bergotong-royong sudah lama diadaptasikan dalam kehidupan orang Melayu di Nusantara ini.

Sikap bergotong-royong dapat membentuk masyarakat Brunei yang berdisiplin, berwawasan, bertanggungjawab, prihatin, bekerjasama, tahu menghormati orang lain, timbang rasa, peka terhadap masyarakat dan negara, kasih pada keluarga dan masyarakat dan sebagainya.

Malangnya, hari ini kita melihat satu perubahan minda pada generasi Brunei yang kurang menitikberatkan konsep bergotong-royong. Masyarakat Brunei sudah jauh terpisah daripada budaya yang luhur ini. Kenapa?

Orang Brunei telah hilang 'nilai' diri dalam hidup bermasyarakat. Nilai adalah sesuatu yang tidak dapat diukur dengan wang atau tidak dapat digambarkan oleh sesiapa. Nilai itu lebih bersifat 'boundless'. Nilai terletak pada diri individu sendiri kerana ia bersifat peribadi. Hanya individu itu sahaja yang dapat mencorak peribadi mereka.

Masyarakat Brunei hari ini tidak mahu menyusahkan diri, tidak mahu melihat kesengsaraan orang lain. Kehidupan anak-anak kita terutamanya yang lahir selepas kemerdekaan tidak mengenal erti bergotong-royong dalam

kehidupan dunia hari ini. Masyarakat telah dipengaruhi oleh kehidupan materialisme, kehidupan hari ini lebih mementingkan kedudukan diri, buat apa memikirkan orang lain. Landasan pemikiran seperti inilah yang bertaut di lubuk hati kita orang Brunei menyebabkan konsep bergotong-royong itu terus tenggelam.

Persoalannya bagaimanakah kita hendak mengatasi masalah ini? Lahirlahna pembentukan peribadi manusia itu melalui disiplin sosialisasi yang berperingkat.

peringkat. Dalam hal ini peranan ketua keluarga harus diambil kira iaitu menerapkan unsur keluhuran budi pekerti yang baik terhadap anak mereka kerana didikan ahlak yang baik akan menjadikan anak itu apabila besar kelak mempunyai sifat ingin membantu masyarakatnya. Kita mahukan anak Brunei yang dapat berfikir untuk membantu masyarakatnya dan dapat menilai erti kehidupan masyarakatnya.

Peranan para ketua kampung sebagai orang yang memeduli

anak-anak buah kampung seharusnya mempunyai satu gagasan untuk mengukuhkan sesuatu bentuk aktiviti kampung. Cara ini akan dapat menarik minat penduduk kampung bekerjasama, bergotong-royong seperti membersihkan kawasan kampung, masjid, perkuburan, kawasan sekolah, jalan raya, menjaga kemudahan kerajaan daripada pemugut dan sebagainya. Tindakan yang positif ini bukan saja akan melahirkan persefahaman di kalangan penduduk kampung tetapi juga memupuk tali silaturahmi.

Sumbangan diperlukan daripada persatuan dan firma-firma besar dalam menyediakan peralatan, minuman dan sebagainya semata-mata untuk melicinkan sesuatu kerja yang dilakukan. Penglibatan semua rakyat adalah mustahak dalam mendukung kejayaan misi ini. Pekerjaan bergotong-royong adalah kerja kebajikan.

Mohamad bin Salleh,
No. 374, Kampong Lambak Kanan,
Jalan Pasir Berakas,
No. k/p: 055222.

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu "Bergotong-royong Semakin Terhakis Dalam Kehidupan Masyarakat. Mengapa dan Gariskan Cara-cara Mengatasinya". Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

SEMANGAT bergotong-royong dalam masyarakat sewajarnya dipupuk, disemai dan dipertahankan, kerana semangat bergotong-royong mengarah kepada nilai-nilai positif apatah lagi bagi mewujudkan masyarakat harmoni, dengan kata lain ianya juga merupakan bagi membentuk, mempercepat, mempermudah serta meringankan beban. Dengan cara ini akan dapat membentuk jati diri, semangat setia kawan, bersatu padu serta bagi mempertahankan nilai dan tradisi serta tanggungjawab masyarakat dalam mentarbiahkan kerja bergotong-royong atau semangat memucang-mucang.

Semangat bergotong-royong ini penting dan perlu ditanam di jiwa setiap anggota masyarakat. Oleh kerana besar manfaatnya, wajarlah semangat tersebut disemaikan ke dalam sanubari seseorang semasa mereka masih kecil lagi. Jikalau kanak-kanak diberi asuhan dan latihan begini, maka mereka akan mudah menerima ajaran dan nasihat yang diberikan, apatah lagi ibu bapa dan anggota masyarakat menerangkan peri mustahaknya se-

Bergotong-royong cetuskan nilai kemasyarakatan

mangat bergotong-royong, bak kata pepatah 'bulat air kerana pembentung, bulat kata kerana muafakat'.

Selain itu keharmonian bermasyarakat juga harus ditanam kepada generasi belia hari ini supaya kemudian hari mereka akan menjadi pelapis kepada generasi tua. Untuk mencapai hasrat ini haruslah ada galakan ke arah sikap bekerjasama, berdiskari dan bergotong-royong dalam bentuk perubahan yang biasanya muncul dalam sesebuah masyarakat yang bertujuan bagi kebaikan bersama melalui kerjasama dan tolong-menolong.

Walaupun sejak kebelakangan ini semangat bergotong-royong di dalam masyarakat terutamanya bangsa Melayu Brunei kita hari ini sudah semakin terhakis dan hampir pupus. Ini adalah disebabkan ketiadaan persefahaman, permuafakatan serta sikap 'kau kau' dan 'aku aku' inilah penyebab utamanya mengapa tidak ada lagi kehidupan bermasyarakat yang dahulunya menjadi ke arah merapatkan hubungan silaturahmi sesama keluarga dan kehidupan berkampung dan

berjiran.

Dari itu kita bukannya mata dan bulat-kantah tekad yang sebenarnya semangat bergotong-royong dan saling bantu membantu inilah yang menjadi intipati kejayaan sesuatu usaha yang dilakukan. Ini kerana ketika bergotong-royong itulah semua tenaga dan buah fikiran daripada orang ramai dapat dikumpulkan dan diuruskan dengan melancarkan dan melicinkan sesuatu pekerjaan yang selain itu dapat menerbitkan rasa keikutan dalam setiap individu iaitu sikap prihatin, tidak 'camah mata' serta bersikap pemudulan.

Adanya kerja bergotong-royong ini bukan sahaja meringankan kerja yang berat dan mempercepatkan kerja tetapi juga dapat mencetus beberapa nilai kemasyarakatan, khususnya jiran sekampung dapat berinteraksi dan merapatkan hubungan malahan agama Islam sendiri menggalakkan insan berbaik-baik apatah lagi sesama jiran yang secara tidak langsung dapat memupuk kehidupan berkampung, bermasyarakat dan bernegara.

Adalah menjadi satu kerugian besar kepada negara sekiranya semangat bergotong-royong diabaikan oleh masyarakat. Pengabaian ini bererti menjauhkan masyarakat daripada semangat bekerjasama. Walau bagaimanapun konsep bergotong-royong bukan sahaja dimaksudkan kepada bentuk kerjasama tetapi meliputi aspek yang dapat memantapkan perlakuan yang baik dan dapat memberi imej kehidupan bermasyarakat.

Usaha-usaha berterusan perlulah dilakukan demi memastikan amalan yang baik ini akan turut diwarisi oleh generasi mendatang. Maka untuk itu tanggungjawab adalah dipikul di bahu semua pihak supaya semangat bergotong-royong 'tidak lekang dek panas dan tidak lapuk dek hujan', bahkan turun-temurun menjadi calak kehidupan bermasyarakat.

Marhadzelawati binti Mohd Daud,
No: 35 'B' Kg Tamoi Tengah,
Bandar Seri Begawan, BL 2112.
No k/p: 266775.

TAJUK-TAJUK PENDAPAT PEMBACA AKAN DATANG

1. 'ABDB Semakin Mantap Dan Disegani'. Tarikh tutup 12 Mei, 2001.
2. 'Tradisi Sambutan Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam di Negara Brunei Darussalam'. Tarikh tutup 19 Mei, 2001.
3. 'Ponteng Sekolah/Lepak - Mengapa Dan Bincangkan Cara Mengatasinya'. Tarikh tutup 26 Mei, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm> email: pelita@brunet.bn

Mesyuarat melantik ahli MPK Belait

BELAIT. - Majlis Perundingan Kampung Pekan Belait telah pun mengadakan mesyuarat bagi melantik Ahli Jawatankuasa Perundingan Kampung Pekan Belait Sesi 2001 - 2002 yang mana juga diselenggarakan dengan Majlis Perpindahan bersara daripada jawatan

Ketua Kampung Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah bin OKPSDR Abang Haji Bujang pada 23 Muharam 1422 bersamaan 17 April, 2001 bertempat di Dewan Raya, Pejabat Daerah Belait.

Pemangku Ketua Kampung

Oleh Haji Nasip Rosli

Pekan Belait, Awang Haji Johari bin Haji Omar Ali dalam ucapan alu-aluannya berbesar hati di atas kehadiran ahli-ahli jawatankuasa dan ini adalah menggambarkan sokongan dan

kerjasama mereka kepada Ketua Kampung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada beliau. Ini akan dapat membantu dalam usaha melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk membangunkan kampung secara per muzakarah dan bersepadu.

Turut hadir di majlis tersebut Penasihat Majlis Perundingan Kampung Pekan Belait, Dato Paduka Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin dan Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin PDPDP Haji Abdul Rahim, yang telah menyempurnakan penyampaian cenderahati kepada bekas Ketua Kampung Pekan Belait. Juga hadir Penghulu Mukim Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Utama Pengiran Haji Mohd. Said bin Pengiran Ahmad.



BEKAS Ketua Kampung Pekan Belait, Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah bin OKPSDR Abang Haji Bujang menerima cenderahati daripada Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin PDPDP Haji Abdul Rahim (atas). Sementara gambar kanan, mesyuarat bagi melantik Ahli Jawatankuasa Perundingan Kampung Pekan Belait Sesi 2001-2002. - Gambar ihsan Haji Nasip Rosli.



28 belia dari MBBB sertai perkhemahan

SERIA, 17 April. - Berjalan malam sejauh satu kilometer di kawasan gelap dan sunyi tanpa menggunakan lampu merupakan cabaran kepada 28 belia yang menyertai Perkhemahan Belia-Belia Daerah Belait yang diadakan di Taman Jubli Anduki.

Belia-belie berkenaan terdiri daripada ahli barisan Majlis Belia-Belia Brunei menyertai perkhemahan selama tiga hari anjuran Majlis Belia-Belia Brunei dengan kerjasama Persekutuan PEMBELA Brunei sebagai persediaan menghadapi Perkhemahan Belia Sedunia yang di-

Oleh Dk. Hjh Saidah PHOA

jangka akan diadakan bulan Ogos akan datang di taman tersebut.

Menurut pihak penganjur, tujuan mengadakan aktiviti berjalan malam itu bagi menanamkan sikap saling bantumembantu di kalangan mereka ketika menghadapi kesulitan.

Selain mengadakan aktiviti berkenaan, para peserta juga diuji minda mereka dengan mengikut arahan yang diberikan melalui

aktiviti mencari harta karun yang terdapat di kawasan itu dengan masa yang diberikan selama tiga jam.

Untuk memantapkan lagi diri mereka menghadapi pelbagai cabaran hidup, beberapa ceramah agama dan penyalahgunaan dadah serta taklimat mencegah kebakaran di rumah dan kawasan awam, di samping kursus singkat mencegah kebakaran dan cara-cara mengendalikan pertolongan cemas juga diberikan semasa perkhemahan itu.

Di samping itu para peserta

juga terlibat dalam acara kebudayaan seperti puisi, teater pendek, sajak dan nyanyian.

Sepanjang perkhemahan para peserta tinggal di enam buah khemah yang didirikan. Setiap satu khemah menempatkan lima peserta termasuk seorang ketua. Perkhemahan menggunakan sistem berdikari seperti menyediakan dan memasak bertujuan untuk mendidik belia-belie hidup berdikari tanpa bantuan keluarga di samping meningkatkan disiplin diri dan menambah pengalaman para peserta.



SIKAP bekerjasama dan saling tolong-menolong di kalangan para peserta merupakan salah satu tujuan Perkhemahan Belia-belie Daerah Belait diadakan. - Gambar ihsan Miri Daily News.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan, Setiap hari Rabu diterbitkan, Rajin membaca bertambah pengetahuan, Silalah Alai pilih jawapan.

- Bilakah Pesta Sukan Ria 2000 anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei?
 - 10 September, 2000.
 - 10 Ogos, 2000.
 - 10 Julai, 2000.
- Di daerah manakah Majlis Pelancaran Environmental Excursions bagi Kelab Perhutanan Sekolah-Sekolah sempena Hari Perhutanan Sedunia yang dirasmikan oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Chuchu pada 7 September, 2000?
 - Daerah Brunei dan Muara.
 - Daerah Belait.
 - Daerah Tutong.
- Bilakah Perkampungan Sivik Mahasiswa Seberang Laut anjuran Jabatan Penerangan diadakan?
 - 6 September, 2000.
 - 6 Oktober, 2000.
 - 6 November, 2000.

PAT-PAT GULAMBIR

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramal di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alatulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini. Jawapan Pat-Pat Gulambir keluaran 18 April, 2001. 1. A. 2. A. 3. A.

PEMENANG SOALAN PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN PELITA BRUNEI 18 APRIL, 2001

SITI SHARIFAH SYAKINA BINTI HAJI NORAZLAN, NO. 28, SIMPANG 159, JALAN 3, KAMPONG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN, BC 2715 UMUR : 4 TAHUN SEKOLAH PGGMB MADANG.

MD. HUSNI BIN HAJI ABDILLAH, NO. 179, BAN 3, SIMPANG 6, JALAN KECHIL KILANAS, KAMPONG MULAUF BT 2590, UMUR : 9 TAHUN SEKOLAH NUSA LAILA PUTERI TANJONG BUNUT.


SITI NURMALINA BINTI HAJI KHANAFIAH, NO. 5, SIMPANG 558, KAMPONG BATONG, JALAN TUTONG BH 2923, UMUR : 11 TAHUN SEKOLAH RENDAH PUSAR ULAK.

BORANG JAWAPAN PAT-PAT GULAMBIR 474

Nama :
 Umur :
 Alamat :
 Telefon rumah (jika ada) :
 Sekolah :
 Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada, Ruangan Alai, Pat-Pat Gulambir, 474, PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN



Dengan Mewujudkan Kumpulan Kerja Centeriang = Ustrah = JUST

- 1. KESEDARAN KE ARAH 'KUALITI KERJA CEMERLANG':**
 (a) Syura (b) Taubat (c) Tazkiyah (d) Tawakkal (e) Buat Ta
- 2. MEMUJUKAN DAN MENGHAKIMKAN 'KUMPULAN KERJA CEMERLANG K.K.C+++':**
 (a) Pempinan (F.A.S.T) (b) Objektif (Al-Falah) (c) Rukun (JUST) (d) Sasaran 4M
- 3. MENGELOMBA 'PEOPLE AND ORGANISATION':**
 (a) Insan Berkualiti (b) Al-Falah dalam Perkhidmatan Awam (c) 6P + 7K = K4 Rakyat
- 4. MENJUNJUNG TITAH DAN PERLAKSANAAN DASAR:**
 (a) Aqaljan Paradigma (b) Perpadan Satu Tuntutan (c) "Strategic Thinking"

Program Persembahan Pemilihan Organisasi / Projek Kualiti Kerja Cemerlang Bagi Konvensyen Kebangsaan Kualiti Kerja Cemerlang 2001




Urutuk menjadikan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang sentiasa membangun dan berusaha dengan gayanya tersendiri menurut celak Islam dalam perkhidmatan yang shah dan selamat di bawah "mayah" dan pelunjuk Allah Subhanahu Wa Ta'ala

KE ARAH MEREALISASIKAN WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD 21


PROGRAM KONVENSYEN K.K.C 2001

Bil	Tanah konvensyen	Konvensyen Kementerian / Jabatan
1.	17 - 18 Julai	Selasa - Rabu Jabatan Perdana Menteri
2.	19 - 21 Julai	Khamis - Sabtu Kementerian Hal Ehwal Ugama
3.	23 - 24 Julai	Isnin - Selasa Kementerian Pembangunan
4.	25 - 26 Julai	Rabu - Khamis Kementerian Kewangan
5.	06 - 07 Ogos	Isnin - Selasa Kementerian Pendidikan
6.	08 - 09 Ogos	Rabu - Khamis Kementerian Perhubungan
7.	13 - 14 Ogos	Isnin - Selasa Kementerian Kesihatan
8.	15 - 16 Ogos	Rabu - Khamis Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
9.	20 - 21 Ogos	Isnin - Selasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
10.	22 - 23 Ogos	Rabu - Khamis Kementerian Perindustrian & Sumber-Sumber Manusia
11.	27 - 28 Ogos	Isnin - Selasa Kementerian Pertahanan
12.	29 - 30 Ogos	Rabu - Khamis Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
13.	11 - 12 Sept	Selasa - Rabu Khasional (24 Persembahan)
14.	29 September	Sabtu Hari Perkhidmatan Awam




500 Ahli-ahli Pasukan Tindakan (Action Team) + 8000 ahli-ahli "K.K.C"

Dibekalkan oleh: Pusat Bimbingan Pengurusan Strategik IP4



Realisasikanlah 11 RUKUN AK-LAK DAN ETIKA KERJA PERKHIDMATAN AWAM



TANGGUNGJAWAB

1. Mengadakan konsep Syura melalui kesah "Ustrah" sebagai amalan di semua peringkat masyarakat dan negara
2. Memaklumkan dan melaksanakan program-program KKC yang mengajus kepada Konvensyen KKC Peringkat Kebangsaan pada September 2001.
3. Menggalakan penubuhan kumpulan-kumpulan KKC di semua agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Perdan Negara Brunei Darussalam.
4. Menentukan program KKC secara berterusan.
5. Mengadakan KKC sebagai "budaya kerja" dalam memantap dan memajukan agensi.



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JPA/AT/2001/02

Syarat-Syarat Tawaran :

- 1. TAWARAN adalah dipelawa bagi 'The Supply, Install & Commissioning Of Batteries For The Standby Power To The Navigational & Communications Equipment At Remote Stations, Brunei International Airport'.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong...
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Negara tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 28 Mei, 2001.
Tiba ke biliknya, Nani nampak seorang budak perempuan sedang mengemaskan katil. Teringat pula aku dengan kisah-kisah seram tentang asrama. Pasal bilik berpenunggal, tandas berhantulah, macam-macam lagilah. Entah-entah orang depan aku ni hantu kut. Tapi hari masih siang. Tak pernah aku dengar hantu di siang hari. He .. he .. he ..

"Assalamualaikum," Nani menyapa.

Perempuan tadi menoleh. Dia tersenyum. "Walaikumus-salam," jawabnya.

Cantik budak ni. Wajahnya putih melepak macam Snow White. Apabila dia tersenyum, nampak pula lesung pipit di sebelah pipi kanannya.

"Saya Nani, teman sebilik awak."

"Saya Syarifah," katanya.

Dari pukul tiga ke pukul empat, kami berdua sibuk membersihkan bilik. Tapi kalau aku tak terperasan, aku yang banyak buat kerja dari si Syarifah ni. Tapi aku tak kisah sebab lantai bilik ni taklah kotor sangat. Hanya meja dan almarnya saja yang berhabuk. Syarifah sibuk memindahkan pakaiannya ke dalam almari. Lepas tu, dia susun pula gambar, cermin, bedak dan segala barangan berselekat kat meja. Nampak gaya, dia ni macam anak orang kaya. Apalah nasib aku.

Dua minggu aku kat maktab ni, so far so good. Pagi belajar, petang bersukan, itulah rutin aku hari-hari. Sekurangnya, taklah aku asyik fikirkan rumah je. Kalau balik setiap hujung minggu, mak ayah aku tak sanggup ambil. Rumah aku dengan maktab ni memang jauh. Pagi bertolak, tengah hari baru sampai. Jadi, balik setiap hujung bulan sajalah.

Syarifah ni pula taklah seteru yang aku sangka. Dia ni bukannya pemalas, cuma tak reti buat kerja. Maklumlah, anak orang kaya. Semua kerja ada orang gaji yang buat. Dia kata mak dia yang suruh dia tinggal di asrama. Belajar berdikarilah tu. Nasib baik dia ni tak sombong. Kalau tak dah lama aku give up beri kerjasama. Hari ni, giliran dia sapu bilik. Dia kata dia akan buat lepas balik sekolah nanti. Tapi ini dah pukul satu. Ke mana agaknya budak ni?

Aku keluar dari bilik. Aku tak pasti hendak menuju ke mana tapi kakiku melangkah ke kawasan dewan makan. Betul sangkaanku. Aku nampak Syarifah sedang dikelilingi oleh tiga orang budak lelaki. Aku kenal mereka itu.

"Ehem," aku sengaja batuk.

Mereka semua menoleh. Salah seorang daripada lelaki itu berundur ke belakang. Dia nampak terkejut.

"Syarifah, apa hal ni?" Tanya Nani.

"Mereka kacau Syar," jawabnya.

Aku merenung tepat ke wajah mereka bertiga. Renungan yang aku biasa buat kalau aku nak tunjuk lagak. Seorang lagi berundur ke belakang. Tangan Syarifah kutarik. Kami



NANI

mula meninggalkan kawasan itu.

"Hei," kata lelaki yang mungkin belum mengenali Nani.

Nani berhenti seketika. Kelihatan rakan-rakannya membisikkan sesuatu ke telinganya. Dia kelihatan sedikit terkejut. Nani mula menghampirinya.

"Ada apa-apa yang tak kena?" Tanya Nani.

Dia menggeleng. Nani senyum lalu meninggalkan mereka bertiga. Syarifah menurut dari belakang.

Esok dah masuk sebulan aku menuntut di sini. Nanti petanglah aku telefon ayah aku. Lagi pun, pondok telefon ramai yang berbaris tunggu giliran. Kalau nasib aku baik, hampir Maghrib nanti barulah lapang tempat tu. Nani beredar menuju surau maktab. Azan Maghrib baru saja berkemundang tadi. Pintu bilik ditutupnya rapat-rapat. Syarifah tengah seronok dibuai mimpi ketika itu.

Semasa Nani pulang dari surau, pondok telefon masih juga penuh. Kelihatan dua tiga orang duduk dekat longkang menunggu giliran. Nampak gayanya, terpaksa tunggu sampai malam nanti baru nak buat panggilan. Semasa melintas salah sebuah bilik, Nani terdengar lagu Allahyarham Sudirman, 'Balik kampung'. Macam tau pula aku nak balik esok. Nani tersenyum sendiri.

Pintu bilik ku ketuk. Masa tu, Syarifah baru habis mandi.

"Eh kak, apasal monyok je muka tu?"

"Apalah diorang tu, dari tadi asyik nak bergayut kat telefon je," Nani mengeluh.

Nani tengok Syarifah tersenyum.

"Akak nak telefon siapa?" Tanyanya.

"Ayah. Esok nak balik rumah. Ni nak bagitaulah ni minta ambil lepas makan tengah hari besok."

"Laa Apasal tak cakap

awal-awal. Syar boleh pinjamkan handphone."

Ada juga kebaikan tinggal dengan orang kaya ni, kata Nani dalam hati.

Semenjak peristiwa tempoh hari, Syarifah semakin rapat dengan aku. Hari hari kami pulang sama-sama. Ni kes takut kena bulihlah ni. Syarifah pula mula panggil aku kakak. Aku pun sebenarnya anggap dia macam adik. Umurnya setahun lebih muda daripada aku. Jadi tak kisahlah kalau dia panggil aku kakak. Dia dulu sekolah kat sekolah swasta. Kalau sekolah di situ, tak kiralah kalau umur masih lagi muda. Asalkan pandai membaca dan menulis, kena terimalah tu.

Memang beruntung jadi anak orang kaya ni. Handphone pun mampu dibeli. Kalau ada kecemasan, taklah sibuk nak cari pondok telefon. Sebenarnya, aku memang tahu Syarifah ada handphone tapi aku segan pula nak pinjam. Baru-baru ini aku ada terbaca pasal handphone ni boleh memancarkan radiasi ke otak. Seram juga aku dengar. Tapi kalau pakai sekali-sekala tu, apa salahnya kan?

Sampai je aku di rumah, mak aku mulalah sibuk nak tanya pasal kehidupan aku di maktab tu. Aku layan sajalah. Lagi pun bukannya selalu aku jumpa dengan mak aku ni. Aku cerita juga tentang aktiviti yang aku ikut di maktab tu. Hari Isnin ni, kelab silat akan mula aktif. Bertambah sibuk lagilah aku!

Jam baru pukul 7.45 malam. Nani baru je lepas salat Isyak tadi. Jadi, dia terus saja ke dewan. Kira dialah orang yang pertama sekali datang bagi sesi perjumpaan yang pertama tu. Aku memang sengaja datang awal. Kalau aku balik semula ke asrama, buang masa pula. Lagipun jarak di antara dewan

KEESOKAN harinya asrama putera dan puteri gempar dengan kes kecurian. Warden asrama pula sibuk mengatur strategi. Tiga hari kemudian, kejadian curi kedua berlaku lagi. Penyelesaiannya, gunakan khidmat kelab silat sebagai peronda. Setiap malam mereka akan diarahkan meronda kawasan asrama. Tapi perondaan mereka ini adalah rahsia di antara pihak sekolah dengan kelab silat sahaja.



dengan asrama bukannya dekat. Adalah juga sampai sepuluh minit berjalan. Suis walkman dihidupkan. Sambil-sambil dia toleh kiri toleh kanan, lantai dihentak mengikut rentak lagu yang didengar. Sepuluh minit kemudian, dewan mula dipenuhi dengan rakan-rakan seperjuangannya. Guru silat pun ada. Dia tersenyum melihat Nani. Nani senyum balik. Tepat pukul lapan malam, tiga orang lelaki masuk ke ruang dewan. Guru silat itu pula mempersilakan Nani dan salah seorang daripada lelaki yang baru masuk tadi untuk berdiri di depan.

"Penuntut semua, saya telah melantik Nani dan Hanif sebagai pembantu saya. Kalau ada masalah, saya percaya kamu semua lebih senang membincangkannya dengan mereka berdua ini terlebih dahulu."

Mengapa pula dia ni pun jadi penolong guru? Kalau aku, memang aku tak hairan sebab aku dah lama berguru dengan dia ni. Masuk tahun ni, dah lima tahun. Kira aku ni oklah juga dalam seni mempertahankan diri.

Malam itu, mereka berke-nalan di antara satu sama lain.

Nani pula tak lepaskan peluang untuk mengetahui hubungan guru dengan Hanif. Tanpa disedarinya, Hanif rupanya mendengar perbualannya dengan guru.

"Saya ni jiran guru. Jangan cemburu pula," katanya.

Hisy. Perililah tu. Penyibuk juga si Hanif ni. Nani hanya menjeling Hanif. Malas nak layan. Nanti jadi gaduh pula.

Mereka bersurai pada pukul sembilan malam. Dalam perjalanan ke bilik Nani hendak beritahu Syarifah tentang tiga orang lelaki yang pernah mengacau Syarifah satu ketika dulu. Rupa-rupanya mereka pun join kelab silat. Sampai saja ke bilik, Syarifah pula mengejutkannya dengan satu berita.

"Kak, jaket Syar hilanglah. Tadi Syar pergi ke tandas sekejap. Bila Syar balik semula ke mari jaket Syar dah hilang."

Di bilik B104 asrama putera: "Nif, kau ada nampak jam aku tak?" Tanya Ali.

"Jam? Kat tangan engkau tu apa?" Tanya Hanif pula.

"Eh, bukan ini. Jam meja akulah."

Hanif melihat sekeliling

bilik

"Entahlah Li. Aku tak nampak pula."

Keesokan harinya asrama putera dan puteri gempar dengan kes kecurian. Warden asrama pula sibuk mengatur strategi. Tiga hari kemudian, kejadian curi kedua berlaku lagi. Penyelesaiannya, gunakan khidmat kelab silat sebagai peronda. Setiap malam mereka akan diarahkan meronda kawasan asrama. Tapi perondaan mereka ini adalah rahsia di antara pihak sekolah dengan kelab silat sahaja.

"Li, malam ni giliran kita pula buat rondaan kat asrama puteri. Harap-harap kita dapat tangkap pencuri tu."

Di sebuah bilik di asrama putera:

Apa pula strategi aku malam ni. Pihak sekolah dah mula ambil tindakan. Kalau aku tak cermat, tentu aku tertangkap. Rosli memang mempunyai kelebihan menjadi pencuri. Tubuhnya kecil dan dapat memecut laju kalau dikejar. Jadi pencuri ni memang tabiat-

PUISI ... PUISI ... PUISI ... PUISI ...

USIA

*Pergilah segala angin api air dan tanah
tamanmu tetap subur menghijau
pepohon rendang dan berbunga
sungai mengalir deras
beningnya sampai ke muara.*

*Usiamu lima puluhan
janganlah engkau takut
dikejar usia
penuhi ilmu di dada
Sunnah Nabi
perlu disemai
di hati nurani.*

*Pedoman dunia akhirat
dan meningkatkan darjat.*

NURUL AINI

*Nurul Aini
gadis anggun
yang manis
yang tulus.*

*Aku kembara
merentasi senja
lembah hijau.*

*Kutunggu surat-surat putih
Nurul Aini
bersama nyanyian malam
dari ujung malam ke ujung malam.*

DILEMA

*Aku gementar
hatiku kecut
cabaran mendatang
26 Mac, 1999
kian bergelora di hati nurani
kemelut ke malam-malam dinihari
aku makin lemas
resah gelisah
tiada menentu.*

*Hati sendu
kuhamparkan sejadah sujudku
cumbuan malam
iman menemui-Mu
demi ketenangan
rahmat-Nya
hidayat-Nya
kugenggam erat yakin
menjadi perisai perkasa
di depan cendekiawan
26 Mac, 1999
berdialog jam sepuluh
bilik tertutup.*

MAWARNI

*Mawarni!
Jikalau besok engkau membina rumah
biar beratap kan kalimat Allah
berdindingkan aksara Nabi Muhammad
berlantakan tikar sejadah
dan bertiangkan Arasy-Nya
jauh-jauhkan berumah di tanah haram
paling terkutuk sepanjang hayatmu.*

*Mewarni!
Jikalau besok engkau membina rumah
biar berpagar kan Muslimin Muslimat
pepohon salih.*

Mahadi R.S.

Dari muka 12

nya dari dulu lagi. Entah mengapa dia suka menjadi pencuri. Kalau dikatakan tak mampu Rosli sebenarnya anak orang berada.

Nani keluar dari bilik pada pukul sepuluh malam. Lampu picit berada di tangannya. Matanya pula meliar melihat setiap penjuru bangunan. Tempat terakhir yang perlu dironda ialah bilik rehat penuntut di tingkat bawah. Langkahnya perlahan dan senyap. Dia tak mahu ada yang sedar kehadirannya. Tiba-tiba matanya terhenti pada dua kelibat yang melintas pintu depan. Dia terus saja menyuluh orang itu.

"Hei, silaulah," kata orang itu.

Nani kenal suara itu. Lampu suluh dihalakan ke arah lain.

"Maaflah. Aku sangka pencuri tadi."

"Apalah. Kawan sendiri pun tak kenal ke?" Tanya Hanif, sengaja nak menyakitkan hati Nani.

Sejak bila aku jadi kawan dia ni. Perasan. Kalau aku layan, nanti menjadi pula. Baik aku pergi je.

"Hei, tunggu."

"Apa lagi yang awak nak hah? Kan dah minta maaf tadi."

Tiba-tiba mereka dikejutkan dengan satu bunyi dari belakang semak. Tanpa membuang masa, mereka terus berlari ke tempat itu. Sambil berlari, Hanif sempat pula bercakap.

"Aku minta maaf," katanya.

"Shh. Cakap perlahan sikit. Aku pasti, pencuri tu masih ada di sini."

Hanif mengangguk.

Hanif mengajak Nani dan Ali bersembunyi belakang semak. Lama juga mereka bersembunyi di sana. Nani memerhatikan Ali yang asyik menampar tangannya berkali kali kerana digigit nyamuk. Hanif pula asyik menjeling Ali. Nani faham maksudnya.

"Ali, awak boleh tahan ke dengan nyamuk tu?" Bisik Nani.

"Tak." Dia menggaru lagi. "Dah malam ni. Mungkin pencuri tu dah lari. Kita balik dululah," sambungnya lagi.

Hanif hanya mengangguk.

"Baiklah, aku pun dah mengantuk ni. Nani, mari balik."

Nani hanya berdiam diri dalam perjalanan pulang ke biliknya.

Dalam perjumpaan kedua kelab silat, Hanif tak ada. Apabila guru tanya Ali, Ali hanya mengangkat bahu.

"Hanif kata, dia ada hal nak buat."

Hanif sengaja memakai pakaian berwarna hitam. Hajatnya hendak menghentikan kes kecurian yang berlaku di asrama putera dan puteri. Dia mula memasuki kawasan asrama puteri.

Baik aku sembunyi dulu kat belakang semak ni. Lima minit dia duduk membatu. Gigitan nyamuk tidak diendakkannya.

Tiba-tiba dia terdengar bunyi tapak kaki. Hanif menghendap di sebalik semak. Dia nampak sesusuk tubuh. Kecil orangnya, macam perempuan tanpa membuang masa, Hanif terus saja meluru ke arah orang itu dan

terus menangkapnya.

"Lepaskan aku, lepaskan aku," kata orang itu.

"Awak nak mencuri lagi kah?" Tanya Hanif.

"Lepaskan aku," kata orang itu lagi.

Mana si Hanif ni? Memang pelik aku ni. Kalau time practice, buat dono. Ni Hanif tak de, lain macam rasanya. Hari ni, awal pula bersurai. Baik aku pusing-pusing dulu kawasan asrama ni. Mana tau ada pencuri tu kat sini, boleh juga aku tangkap.

Nani berjalan melintasi biliknya dan terus menuju ke belakang blok bangunan.

"Eh Hanif, apa awak buat kat sini?" Tanya Nani.

"Kau nampak orang tu," katanya sambil menunjuk seseorang yang sedang bersandar di dinding.

Nani mengangguk.

"Dia ialah pencuri yang dicari-cari selama ini."

Nani nampak terkejut. Rosli!

"Apa kita nak buat dengan dia ni?" Tanya Nani.

"Entahlah, aku pun tak tahu."

Nani berfikir sejenak. Kalau diserahkan kepada pihak sekolah, gerenti dia kena tendang keluar. tapi kalau dilepaskan, nanti dia menjadi-jadi pula.

Tiba tiba, satu idea datang ke fikiran Nani.

"Mana barang-barang yang awak dah curi tu?" Tanya Nani.

"Ada kat bilik."

"Saya nak awak berikan barang-barang yang awak dah ambil tu pada Hanif. Hanif, engkau pergi ikut dia ok."

Hanif mengangguk.

Lima minit kemudian, Hanif dan Rosli pun datang semula ke tempat tadi. Nani nampak sehelai jaket kepunyaan Syarifah, sepasang seluar jeans dan sebuah jam meja. Nani meminta jaket itu dari Hanif.

"Baiklah, oleh kerana barang-barang ni masih elok, saya rasa awak tak perlu di-bawa berjumpa pihak sekolah."

Hanif nampak terkejut. Baru saja dia hendak menyuarakan rasa tidak puas hatinya, Nani menyambung semula kata-katanya.

"Tapi, saya mahu awak janji takkan mencuri lagi dan saya mahu awak menjadi ahli kelab silat."

Rosli mengangguk. Kelab silat pun kelab silatlah.

"Awak boleh pergi sekarang, tapi ingat pada janji awak. Kalau tak, saya takkan teragak-agak mengambil tindakan seterusnya."

Orang itu meninggalkan Nani dan Hanif. Dia juga tak lupa mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana memberikannya peluang kedua.

"Cantik idea awak," kata Hanif setelah tinggal mereka berdua saja di situ. "Terisi juga masa lapang dia. Aku hairan juga sebab Rosli ni anak orang kaya tapi boleh jadi pencuri."

Nani tersenyum.

"Mungkin dia bosan agaknya. Kalau masa lapang tak diisi dengan betul, macam-macam boleh jadi. Tengoklah kes-kes curi yang terjadi di negara kita ni. Kebanyakannya remaja yang dah berhenti seko-

lah." Nani diam seketika. "Tapi, macam mana awak tahu pencuri tu ada kat sini?" Tanya Nani.

"Entahlah. Tapi, sejak kejadian curi hari tu, saya asyik fikirkan mengapa kejadian itu berlaku semasa kita tengah sibuk membuat latihan di dewan. Jadi saya cubalah tangkap dia pada waktu ni. Tak sangka pula idea saya menjadi."

"Oh, patutlah awak tak datang tadi. Rupa-rupanya, nak jadi polis sementara."

Hanif tergelak.

"Hari ni tak da latihan ke? Macam mana awak boleh ada di sini?"

"Hari ini, kita orang awal habis. Saya jalanlah dulu, mana tau ada pencuri tu."

Hanif hanya mengangguk.

"Hanif, karang kita jalan sama-sama," kata Ali.

"Sorilah Ali. Hari ini aku kena jalan awal sikit. Tapi barangkali, aku akan lewat sikit sampai kat dewan tu."

Pada perjumpaan kelab silat yang seterusnya, kawan-kawan Hanif seperti tidak percaya dengan apa yang mereka lihat. Hanif dan Nani masuk bersama ke dalam dewan. Di belakang mereka pula seorang lelaki.

"Ahli baru agaknya," kata Ali.

Semasa Ali dan Hanif berada dalam bilik mereka, Ali mula sibuk bertanya.

"Eh, apa rahsia engkau hah? Tiba-tiba saja engkau dapat jinakkan singa betina tu."

"Apalah engkau ni, Li tak baik cakap macam tu."

"Ah, tak kisahlah. Memang pun macam singa betina. Masa hari tu, dia tenung aku semacam je. Takut aku dibuatnya. Tapi, macam mana hah?" Tanyanya lagi.

"Aku sebenarnya dah lama nak berkawan dengan dia tu. Masa aku masih budak-budak lagi, aku dah kenal dia tu. Barangkali dia tak tahu yang guru kita tu, bapa saudara aku. Engkau pun tahu kan, dia tu anak buah guru. Ayah dia berkawan rapat dengan guru. Kalau dia practice silat, aku tengok dia dari rumah aku."

"Oh, engkau menghendaplah ni."

Mereka tergelak.

"Tapi masa kita orang kacau kawan dia tu dulu, mengapa engkau buat macam tak kenal je?"

"Memang aku tak kenal. Dah lama tak tengok. Nasib baik engkau bagi tau. Kalau tak, gerenti dah jadi gelanggang silat dewan tu."

Ali mengangguk tanda faham.

"Dahlah tu, mari kita tidur."

"Tapi" hajat Ali untuk mengetahui ahli baru kelab silat mereka terbantut.

Hanif tahu dia belum menjawab soalan Ali. Tapi, dia memang tak mahu Ali tahu tentang pencuri tu. Nanti heboh pula jadinya. Nani, Nani tak sangka pula pasal pencuri tu, kita dapat berkawan. Tak sabar rasanya menunggu esok. Bukannya apa, nak jumpa Nani lah.



سنتیاس برسام بیسکتیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تیلبییشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menyuar mana-mana
jua rancangan

RABU 9 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : SABER RIDER AND THE STAR SHERIFF
5.00	JUARA - SIARAN LANGSUNG
5.30	TOYOTA WORLD OF WILDWIFE
5.45	BERITA
5.55	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE - Sambungan
6.27	AZAN MAGHRIB
6.35	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	KELUARGA
7.39	AZAN ISYAK
7.45	KELUARGA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TEKAD
9.05	DRAMA CO PRODUCTION: - 'Catatan Misteri'
9.45	PERSPECTIVE PLUS
10.00	NEWS AT 10
10.30	PERSPECTIVE PLUS - Sambungan
10.45	VENGEANCE UNLIMITED - 'Security'
11.40	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 10 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR : DENVER: THE LAST DINOSAUR/FERDY
5.00	PLANET VIDEO
5.45	BERITA
5.55	MARI BELAJAR MENGAJI - Ulangan
6.27	AZAN MAHGRIB

MALAM

MALAM

6.35	AL-QURAN
6.45	DARI MAHKAMAH KADI
7.00	SURAH YAASIIN
7.25	GEMA ISLAM
7.39	AZAN ISYAK
7.44	GEMA ISLAM - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
9.50	DRAMA: TAKANA JUO KAMPUNG
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA - Sambungan
10.50	WAYANG PILIHAN - 'The Audrey Hepburn Story' Pt. II
12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 11 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.15	SESAME STREET
11.15	MEKAR
11.30	BERITA
11.40	JEJAK RASUL SIRI 5 - Ulangan
12.15	DISCOVER ISLAM: BILAL PHILIPS
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	GEMA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN ANTARABANGSA
2.30	DINA-MIK - Siaran Langsung
3.00	TAYANGAN GAMBAR - 'Nurses On The Line'
3.38	AZAN ASAR
3.43	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
4.40	ANIMATION HOUR: VOLTRON: DEFENDER OF UNIVERSE/SANG WIRA
5.30	AT TAHZIB
5.45	BERITA
5.55	AT TAHZIB -Sambungan
6.10	UNDERSEA EXPLORER -
6.27	AZAN MAGHRIB
6.34	UNDERSEA EXPLORER - Sambungan
6.45	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	BEDUDUN
7.40	AZAN ISYAK
7.45	BEDUDUN - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA: OPIS
9.30	WILD RESCUES

SABTU 12 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR : MISTER SIMON AND JIGGY JIGGY/HELLO KITTY'S PARADISE
10.55	LITTLE STAR
11.20	BEDUDUN - Ulangan
11.30	BERITA
11.40	BEDUDUN - Sambungan
12.00	THE EDGE - 'Beyond Reasonable Doubt'
12.18	AZAN ZUHUR
12.35	DOKUMENTARI: WARISAN BUDAYA - 'Mukim Lumapas' - Ulangan

PETANG

1.10	PANGGUNG PETANG SABTU: - 'Race The Sun'
2.40	TINJAUAN - Ulangan
3.10	SPECIAL OPS FORCE - 'Party Girl'
3.39	AZAN ASAR
3.45	DOKUMENTARI - 'Killer Bees'
4.45	ANIMATION HOUR: GROUNDLING
5.45	MARSH POWERPUFF GIRL
6.00	BERITA
6.00	DRAMA RTB : OPIS - Ulangan
6.26	AZAN MAGHRIB
6.35	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.25	KLINIK KITA - Siri Baru
7.40	AZAN ISYAK
7.45	KLINIK KITA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	SIARAN LANGSUNG PERTANDINGAN AKHIR BINTANG KECIL 2001
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Dangerous Proposition'
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 13 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI

ISNIN 14 MEI

PAGI

9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	TINDULANG BERSAMA
10.40	CHEF WAN
11.10	FROOTERS
11.30	KLIKI! KLIKI! KLIKI!
11.30	BERITA
11.40	SUNDAY MATINEE - 'Dream Rider'
12.18	AZAN ZUHUR
12.25	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.30	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2000/2001
2.30	GTV
3.00	DOKUMENTARI - 'Forestry Pearl'
3.30	VISI REMAJA
3.39	AZAN ASAR
3.45	VISI REMAJA - Sambungan
4.05	RAILWAY ADVENTURES ACROSS EUROPE - 'Proud And Preserved'
4.35	SHEEP IN THE BIG CITY
5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.30	MARI BELAJAR MENGAJI BERITA
5.45	MARI BELAJAR MENGAJI - Sambungan
6.10	BIMBINGAN MUKMIN
6.27	AZAN MAGHRIB
6.35	AL-QURAN

MALAM

7.00	BRUNEI SIOK
7.40	AZAN ISYAK
7.45	BRUNEI SIOK - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA - 'Cucu Atuk'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00	BOLA SEPAK PUSINGAN KELAYAKAN PIALA DUNIA 2002 KUMPULAN 8 ASIA - 'Negara Brunei Darussalam Iwn India'
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 14 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION - 'Peter Pan'

MALAM

5.15	TRAP TRIP - Ulangan
5.30	TOO EXTREME - Siri Baru
5.45	BERITA
5.55	TOO EXTREME - Sambungan
6.27	AZAN MAGHRIB
6.35	AL-QURAN
6.45	THAHARAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	MIND, BODY & SPIRIT - Sambungan
7.40	AZAN ISYAK
7.44	MIND, BODY & SPIRIT - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA CO-PRODUCTION: SITI AYU
9.30	IRAMA GENDANG
10.00	NEWS AT 10
10.30	TEKAD - Ulangan
10.45	THE LIGHTER SIDE OF SPORTS
11.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 15 MEI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : BEETLE JUICE/YOCKIES WILD DISCOVERY - 'Polar Bears'
5.00	BERITA
5.45	WILD DISCOVERY - Sambungan
5.55	DRAMA CO PRODUCTION: AZAM - Ulangan
6.27	AZAN MAGHRIB
6.33	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	THE FAMOUS JETT JACKSON - 'Bank Robbery'
7.25	DOKUMENTARI TEMPATAN
7.40	AZAN ISYAK
7.45	DOKUMENTARI - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TINJAUAN
9.25	E.R - 'Stick And Stones'
10.00	NEWS AT 10
10.30	E.R - Sambungan
10.45	BOLA SEPAK LIGA PERDANA PREMIERE II 2001 - Negara Brunei Darussalam Iwn Kedah JKR'
11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1422H/2001M

DIMAKLUMKAN KEPADA UMAT ISLAM DI NEGARA INI BAHAWA URUSETIA SAMBUTAN PERAYAAN HARI-HARI KEBESARAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA TELAH MEMBUAT PERSIAPAN BAGI MENGADAKAN SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM TAHUN 1422H YANG MANA KEMUNCAKNYA IALAH PERHIMPUNAN DAN PERARAKAN YANG AKAN DIADAKAN DI TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR ALI' SAIFUDDIEN, BANDAR SERI BEGAWAN PADA 12 RABIULAWAL, 1422H/ 4 JUN, 2001M.

2. Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Hari-hari Kebesaran Islam sukacita mempelawa

- * Jabatan-jabatan yang beruniform
- * Kementerian-kementerian
- * Jabatan-jabatan Kerajaan
- * Kampung-kampung/Majlis Perundingan Mukim/Majlis Perundingan Kampung
- * Ahli-ahli Persatuan Belia dan Kebajikan
- * Syarikat-syarikat swasta
- * Pelajar-pelajar dewasa
- * Sekolah-sekolah rendah/menengah/maktab/institusi-institusi pengajian tinggi

supaya sama-sama ikut serta memeriahkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1422H

3. Borang-borang pendaftaran dan penyertaan bolehlah diperolehi daripada:

- i. Urusetia Perayaan Hari-hari Kebesaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- ii. Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- iii. Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- iv. Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

4. Borang pendaftaran dan penyertaan hendaklah dihantar kepada:

Pengerusi Bersama Perhimpunan dan Perarakan
Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam
Peringkat Negara Tahun 1422H/2001M,
Bahagian Perhubungan Dan Kemajuan Syiar Islam,
Tingkat 2, Bangunan Baru Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910,
Negara Brunei Darussalam.

5. Tarikh tutup pendaftaran ialah pada 15 Mei, 2001 (hari Selasa) jam 4.00 petang.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani dan isteri, Datin Hajah Jalihah hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pelancaran Jawatankuasa Masyarakat Penyayang yang diadakan di Dewan Bandaran Kuala Belait. - Gambar ihsan Pejabat Daerah Belait.

Perasaan kasih sayang sebaik-baik penawar dan ubat

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 28 April. - Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani berkata, sebaik-baik penawar dan ubat bagi menyembuhkan hati dengan 'Mawaddah Wa Rahmah' (perasaan kasih sayang).

Kata Pegawai Daerah, dalam hidup bermasyarakat ianya merupakan sebaik-baik

mereka dan pengaruh teman sebaya. Majlis diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Justeru itu, Pegawai Daerah menyeru ibu bapa supaya bermuhasabah, menilai dan mengkritik diri mereka adakah mereka telah menunaikan tugas mengasuh dan mendidik anak-anak mereka, menjadi contoh kepada anak-anak mereka dan kejayaan mereka menerapkan nilai-nilai akhlak dan budi pekerti yang murni kepada anak-anak mereka.

Ini kerana masih ada ibu bapa yang bersikap tidak acuh tentang kegiatan dan perlakuan anak-anak mereka di luar rumah, sehingga ada di antara mereka tidak tahu apa yang dilakukan oleh anak-anak mereka dan dengan siapa mereka keluar.

Selain itu ada juga ibu bapa yang mendera fizikal dan mental anak-anak mereka serta mempergunakan mereka termasuk di bawah umur dalam kegiatan jenayah seperti penyeludupan dadah dan pelacuran.

Akibat perbuatan ibu bapa yang tidak bertanggungjawab itu, anak-anak berkenaan membesar dalam suasana yang penuh dengan dendam dan membabitkan benih penjenayah dalam masyarakat.

Oleh itu, Dato Paduka berharap agar Daerah Emas Hitam itu disemarakkan dengan kasih sayang yang murni yang akan menjadi penjana kepada lahirnya sebuah masyarakat yang padu, kukuh dan mantap.

penawar dan ubat kepada hati yang masih keras dan beku yang harus disuburkan dalam semua sektor masyarakat, agar ianya akan terus kekal menjadi budaya dan sebatil dalam masyarakat.

Ini memandangkan masalah sosial yang melibatkan generasi belia dan remaja dalam penyalahgunaan dadah, pergaulan tanpa batasan, lepak di kompleks membeli-belah dan yang paling membimbangkan masyarakat telah ada kes belia dan remaja di bawah umur terlibat menjadi pelacur dan menjadi ejen pelacur.

Berucap di Majlis Pelancaran Jawatankuasa Masyarakat Penyayang (MASPEN) Daerah Belait, Dato Paduka berkata, penglibatan belia dalam kegiatan negatif merupakan sebahagian protes senyap tanda tindak balas mereka terhadap perlakuan dan layanan yang mereka terima daripada ibu bapa mereka.

Dalam hubungan itu kata Dato Paduka, masyarakat tidak sepatutnya menyalahkan golongan berkenaan semata-mata memandangkan hasil kajian dan soal selidik yang dijalankan oleh beberapa pihak di negara ini menunjukkan bahawa penglibatan mereka dalam kegiatan negatif itu disebabkan rasa tidak puas hati terhadap ibu bapa

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

di daerah itu akan menggembeng tenaga dan ungkayah bagi menjayakan matlamat dan hasrat penubuhannya.

"Kita mahu melihat sebuah masyarakat penyayang yang bersatu padu dan kukuh yang sentiasa berfikir dan bertindak demi kebaikan masyarakat dan negaranya," kata Dato Paduka.

Dato Paduka seterusnya berharap, MASPEN hendaklah dilihat secara positif untuk mendidik masyarakat Daerah Belait, supaya sentiasa peka dan prihatin akan tanggungjawab sosial mereka sebagai anggota masyarakat yang sentiasa sedar dan bersedia menghulurkan sumbangan dan khidmat bagi kesejahteraan masyarakat.

Selain itu, ianya bagi memberi isyarat kepada golongan masyarakat yang menerima bantuan tersebut bahawa masih ada orang yang prihatin dan sayang kepada mereka, yang bersedia membantu meringankan bebanan dan kesusahan mereka.

Kata Dato Paduka, bantuan dan sumbangan yang diberikan itu hendaklah dilihat dan difahami, bukannya sebagai pemberian yang berterusan yang akan menjadikan golongan berkenaan sebagai golongan yang jumud dan beku, tetapi sebagai pendorong untuk membina penghidupan baru yang lebih bererti.

Di Majlis Pelancaran Jawatankuasa MASPEN, disediakan galeri gambar-gambar ristaan beberapa acara yang diungkapkan di daerah itu mengandungi Majlis Ibu Mithali, Warga Emas, Sumbangsih Guruku Sayang, Sambutan Derma Anak-Anak Yatim dan Majlis Pelancaran Slogan Daerah Belait.

Menurut Ketua Biro Penyelidikan/Kajian, Dayang Donnaliza binti Abdullah Puasa, gambar-gambar berkenaan disediakan oleh juru-juru gambar dan ahli-ahli jawatankuasa pameran bagi memeriahkan majlis-majlis yang diselenggarakan di samping mencerminkan budaya sayangkan masyarakat yang sememangnya wujud di daerah ini.

Di majlis berkenaan tetamu kehormat juga telah melancarkan halaman web jawatankuasa berkenaan yang bertujuan supaya orang ramai dapat mengikuti berita-berita, usaha dan rancangan jawatankuasa tersebut, dengan harapan ianya akan dapat mengajak lebih ramai lagi individu atau kumpulan-kumpulan yang mampu membantu untuk tampil berganding bahu bagi melaksanakan rancangan-rancangan bantuan kepada masyarakat.

Untuk menggerakkan urusan-urusan jawatankuasa tersebut, Syarikat Minyak Brunei Shell telah menyumbangkan Dana Pengurusan dan Pentadbiran MASPEN berjumlah \$5,000.00 kepada tetamu kehormat yang disampaikan oleh Ketua Hal Ehwal Korporat dan Pelaburan Sosial, Dayang Hajah Masni binti Haji Munir.

Majlis diserikan dengan gabungan persembahan moden dan tradisi yang menjurus kepada menimbulkan rasa kasih sayang kepada masyarakat seperti bacaan syair, persembahan nasyid, zapin, persembahan alat muzik pagang dan peraduan mencipta pantun secara spontan.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani dan isteri, Datin Hajah Jalihah menyaksikan pameran gambar-gambar yang menjurus kepada masyarakat penyayang. - Gambar ihsan Pejabat Daerah Belait.

MASPEN satu langkah mendekati dan membantu masyarakat

KUALA BELAIT, 28 April. - Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam berkata, Pelancaran Jawatankuasa Masyarakat Penyayang (MASPEN) Daerah Belait sebagai satu langkah mendekati dan membantu masyarakat yang memerlukan bantuan menurut etika dan tatusila bermasyarakat.

Kata Penolong Pegawai Daerah, penubuhan jawatankuasa berkenaan bukan meniadakan usaha berterusan agensi-agensi kerajaan dan skim bantuan daripada agensi-agensi bukan kerajaan, tetapi sekadar untuk berganding bahu dengan agensi-agensi lain dalam usaha kemasyarakatan dan perundingan agar matlamat semua agensi akan tertunai dan masyarakat akan terbela.

Berucap selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Majlis Pelancaran Jawatankuasa MASPEN, beliau berkata, jika kerjasama yang padu itu diasuh dan disemai dalam masyarakat, pasti masa depan yang cemerlang dalam amalan bermasyarakat berbilang kaum akan tercapai.

Majlis Pelancaran Jawatankuasa MASPEN dilakukan oleh tetamu kehormat, Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani yang diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Ianya anjuran bersama Jawatankuasa Program Kerja Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Belait dan Jawatankuasa Masyarakat Penyayang (MASPEN) Daerah Belait.

Dalam temu bual wakil PELITA BRUNEI dengan Pegawai Daerah Belait di pejabatnya menyatakan, tertubuhnya jawatankuasa berkenaan sebagai langkah kesinambungan Jawatankuasa Menangani Masalah Sosial Masyarakat di peringkat kebangsaan.

Menurut Dato Paduka, ilham untuk menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani pelbagai isu sosial yang melanda masyarakat timbul semasa beliau berkhidmat sebagai Pegawai Daerah Tutong pada tahun 1997, yang pada ketika itu gejala-gejala sosial telah mula dirasakan kesannya dan semakin membimbangkan.

Pada ketika itu katanya, slogan Bersama Membina Masyarakat Penyayang telah pun ada dalam pemikiran namun ianya tidak sempat dilancarkan di daerah berkenaan kerana pertukarannya ke Daerah Belait.

Berikutan dengan pertukarannya itu juga, kata Dato Paduka, ilham untuk menubuhkan Jawatankuasa Masyarakat Penyayang tercetus di Daerah Belait dengan sokongan padu daripada semua pihak yang terlibat terdiri daripada ketua-ketua jabatan, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang.

Kata Dato Paduka, penubuhan jawatankuasa tersebut merupakan langkah bagi menangani pelbagai isu yang melanda masyarakat dengan pendekatan yang penuh kasih sayang serta berhemah sesuai dengan slogan Daerah Belait 'Bersama Membina Masyarakat Penyayang' yang telah dilancarkan pada 29 Disember, 1999.

"Jawatankuasa berkenaan akan menjadi indung dan penggerak projek-projek kemasyarakatan yang menjurus kepada menyayangi dan memedulikan kebajikan warga daerah yang memerlukannya," katanya.

Dato Paduka berharap, setelah pelancaran tersebut, masyarakat

Sambutan Wanita 2001

oleh Siti Muslihat HS
 gambar oleh Ramli Tengah
 dan Masri Osman

selamatan forum dan
 enai majadkan di
 in Hajah
 nya dapat
 getahuan
 ihatan dan
 an yang
 langsung

jelastinya, akan mempertingkatkan taraf kehidupan di negara ini.

"Kaum wanita sama ada sebagai suri rumah tangga, ibu, isteri, pengguna atau pekerja akan dapat memainkan peranannya yang lebih berkesan dalam menjaga dan melindungi ahli-ahli keluarga terjejas daripada makanan yang tidak sihat atau tidak selamat," jelas Datin dalam sembah alu-aluannya.

Di majlis itu, baginda juga berkenan mengurniakan Sijil-sijil dan Surat Penghargaan kepada para ahli Jawatankuasa Lembaga Tadbir Majlis Wanita yang telah berkhidmat secara sukarela bagi sesi 1994 hingga 1996 dan sesi 1997 hingga 1999.

Baginda di majlis itu juga berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Yang Dipertua MWNBD.

Antara kegiatan yang disusun sempena Hari Majlis Wanita tahun ini ialah pameran yang bertemakan 'Kesihatan dan Keselamatan Makanan' yang disertai oleh agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Pertanian, syarikat

pengeluar dan pengimport daging serta pengeluar makanan tempatan. Selepas berangkat menyaksikan pameran, baginda seterusnya berkenan mengabadikan gambar kenang-kenangan bersama para ahli Jawatankuasa Lembaga Tadbir Majlis Wanita dan juga berkenan menandatangani buku keberangkatan.

Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam ditubuhkan pada bulan April 1985 dan ianya merupakan sebagai indung kepada 12 buah persatuan wanita di negara ini yang bergabung di bawahnya.

Sambutan Hari Majlis Wanita mula diadakan pada 11 April tahun 1999 dengan mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Ibu Teladan, sementara penyampaian Anugerah Majlis Wanita merupakan acara kemuncak sambutan pada tahun 2000.

Dengan penubuhan Majlis Wanita ini adalah diharapkan ianya akan dapat bertindak sebagai badan kebangsaan yang mewakili semua pertubuhan wanita dan wanita perseorangan di negara ini.

Sebagai saluran rasmi kepada kaum wanita, MWNBD juga berusaha ke arah membantu memperbaiki taraf wanita dan mereka yang kurang bernaib baik di semua bidang yang meliputi bidang pelajaran, ekonomi, keibajikan, kebudayaan dan sosial.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima penerangan ringkas dan menyaksikan pameran yang bertemakan 'Kesihatan dan Keselamatan Makanan' yang disertai oleh pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Pertanian serta syarikat-syarikat pengeluar dan pengimport daging serta pengeluar makanan tempatan (gambar atas, kiri dan bawah).



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Nurul Huda Sultanah Al-Islam berkenan menyaksikan pelbagai produk syarikat mereka sempena sambutan itu



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith ketika bersembada merasmikan Seminar Pelaksanaan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan yang dikendalikan oleh Jabatanarah Politik dan Organisasi, Kementerian Pertahanan dan Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Brunei prihatin keamanan dunia

BERAKAS. 23 April. - Timbalan Menteri Pertahanan menyuarakan perlu adanya Prosedur Undang-undang Kebangsaan dan Antarabangsa dalam membendung dan mengatasi persengketaan ekoran konflik bersenjata seperti yang pernah berlaku di beberapa buah negara termasuk Asia, Eropah dan negara-negara lain di dunia.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith semasa bersembada merasmikan Seminar Pelaksanaan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan menjelaskan, Negara Brunei Darussalam seperti juga masyarakat antarabangsa mengambil perhatian yang sama dan ingin melihat keamanan.

Negara Brunei Darussalam, sabda Yang Amat Mulia juga memberikan perhatian yang sama dengan masyarakat antarabangsa yang ingin melihat kewujudan dunia yang aman damai dan menghapuskan apa jua bentuk konflik bersenjata, kelaparan dan kesusahan hidup.

Dalam hubungan ini, Yang Amat Mulia menegaskan perlunya pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan tertentu untuk menggariskan undang-undang dan peraturan sebagai panduan pada ketika berlakunya sengketa terutamanya ketika menjalankan operasi kententeraan bersama.

"Adalah menjadi harapan bersama dengan adanya undang-undang dan peraturan

Oleh
Bolhassan HAB

yang digariskan, apa jua bentuk operasi kententeraan yang difikirkan sesuai di masa hadapan tidak akan bercanggah dengan undang-undang dan peraturan yang termaktub dalam Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa," sabda Yang Amat Mulia.

Terdahulu dari itu, Yang Amat Mulia juga menekankan pentingnya Prosedur Undang-undang Kebangsaan dan Antarabangsa digubal dalam membendung dan meringankan kesan buruk daripada konflik-konflik bersenjata terutamanya kepada golongan seperti kanak-

kanak, wanita dan orang tua.

"Konflik-konflik bersenjata ini telah mengakibatkan kecederaan, kesengsaraan dan kemusnahan kepada harta benda di samping perpecahan kepada kehidupan manusia. Ekoran daripada konflik-konflik bersenjata ini dunia sehingga ke hari ini telah melihat penghijrahan beramai-ramai meninggalkan bumi tempat berpijak dan menjadikan mereka sebagai pelarian yang menetap di tempat dan kawasan yang kurang menyenangkan," sabda Yang Amat Mulia dengan rasa simpati.

Berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini, seminar membincangkan lima topik utama dan ianya ter-

masuk mengenai Konvensyen Geneva dan Protokol-protokol tambahan, Perjanjian Ke Atas Periuik Api dan Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Seminar yang merupakan pertama kali diadakan di negara ini dikendalikan bersama oleh Jabatanarah Politik dan Organisasi, Kementerian Pertahanan dan Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa.

Pengurniaan Pingat Kerja Lama

SUNGAI AKAR, 2 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan pengurniaan Pingat Kerja

Lama dan Pingat Kerja Baik kepada 11 orang pegawai dan 226 pelbagai pangkat Pasukan Unit Simpanan Gurkha.

Majlis penyampaian pingat-pingat itu berlangsung di Kem Unit Simpanan Gurkha, Sungai Akar.

Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menyempurnakan penyampaian pingat-pingat tersebut.

Mula-mula yang menerima pingat ialah Leftenan Kolonel HM Adams, Member of British

Ekonomi ASEAN kali ini membincangkan langkah-langkah lanjutan keputusan Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN yang diadakan tahun lalu di Republik Singapura, dan seterusnya meneliti pelaksanaan Rangka Kerja Perjanjian E-ASEAN (E-ASEAN Framework Agreement) yang mana telah ditandatangani oleh Ketua-ketua Negara ASEAN.

Menteri-menteri Ekonomi ASEAN juga mengadakan Mesyuarat Tidak Rasmi dengan Menteri-menteri Ekonomi dari Republik Korea, Republik Rakyat China dan Jepun.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menyempurnakan penyampaian Pingat Kerja Lama dan Pingat Kerja Baik kepada seorang pegawai Pasukan Unit Simpanan Gurkha. - Gambar oleh Mesri Osman.

Oleh
Abdullah Asgar

Empire (M.B.E) yang sedang dalam percutian sebelum bersara.

Pasukan Simpanan Gurkha telah berkhidmat di negara ini hampir 27 tahun. Pada masa kini lebih 1,400 anggota askar Gurkha memberikan khidmat mereka, kebanyakan daripadanya penjaga keselamatan 24 jam di bangunan-bangunan kerajaan.

Mereka juga memberikan khidmat bantuan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei dan agensi-agensi kerajaan lain dalam mencari dan mengesan dengan menggunakan khidmat anjing pengesanan.



PARA pegawai Pasukan Unit Simpanan Gurkha yang berkhidmat di negara ini hampir 27 tahun telah dikurniakan Pingat Kerja Lama dan Pingat Kerja Baik yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan. - Gambar oleh Mesri Osman.

BERAKAS, 1 Mei. - Menteri Pembangunan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail bersabda, ASEAN sememangnya mengambil perhatian berat terhadap kemajuan sains dan teknologi di kalangan negara-negara ahlinya yang menyumbangkan pertumbuhan ekonomi secara berterusan.

"Pentingnya sains dan teknologi bukan saja dalam kehidupan kita dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara sekalipun masih bergantung kepada ekonomi asas kerana pengetahuan di bidang itu secara berkesan akan membantu mewujudkan industri yang lebih bernilai tinggi," sabda Menteri Pembangunan ketika melancarkan Laman Web Minggu Sains dan Teknologi ASEAN Ke-6.

Yang Amat Mulia bersabda, penghayatan dan penggunaan sains dan teknologi dan jumlah pekerja mahir di semua bidang merupakan perbezaan ketara di antara negara maju dan yang sedang membangun kerana itu menjadi penentu sama ada sesebuah negara maju atau sebaliknya.

Penerapan perkembangan sains dan teknologi dalam ekonomi negara ASEAN merupakan kesedaran bagi kemajuan dalam menghayati dan menikmati pencapaian sains dan teknologi sekalipun berbeza di antara negara ahli.

Bagaimanapun kerjasama yang erat antara negara-negara ahli ASEAN sangat penting bagi kemajuan ASEAN selain membantu ahli-ahli yang baru mengorak langkah ke bidang itu.

"Bidang-bidang kemahiran 'molecular biology, biotechnology dan information communication technology' yang semakin hangat mendapat perhatian hendaklah kita tidak leka dan mempunyai anggapan yang telah kita capai adalah mencukupi," nasihat Menteri Pembangunan.

Oleh Samle Haji Jait

Masyarakat perlu sedar pencapaian dalam 'bio-technology' hanya sedikit kerana ia mempunyai lebih luas dan berpotensi untuk diterokai selain jurusan 'information communication technology' juga perlu ditingkatkan dan diluaskan yang sekali gus boleh membuka peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Yang Amat Mulia bersabda, jumlah penduduk negara yang kecil dengan adanya rakyat yang sedar dan mahir dalam bidang sains dan teknologi, bukan saja peluang pekerjaan akan bertambah malah kita dapat menghasilkan pengeluaran barangan yang bernilai tinggi untuk kemajuan ekonomi.

ASEAN beri perhatian sains dan teknologi



MENTERI Pembangunan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail ketika menyaksikan pameran sejourus melancarkan Laman Web Minggu Sains dan Teknologi ASEAN Ke-6. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

UBD anjur Seminar Konsep Perniagaan Dalam Islam

Oleh Haji Ahat HI

TUNGKU, 1 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan menganjurkan Seminar Konsep Perniagaan Dalam Islam pada 16 dan 17 bulan Jun depan di Dewan Kuliah Utama UBD.

Menurut siaran akhbar UBD, seminar berkenaan adalah anjuran bersama Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin dan Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar dan ditaja oleh Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad.

Seminar yang bertemakan 'Ke Arah Menghayati Perniagaan Dalam Islam', itu antaranya berobjektifkan pada memperkenalkan konsep perniagaan Islam kepada masyarakat, menimbulkan kesedaran tentang kewajipan mengamalkan kaedah dan etika perniagaan Islam kepada masyarakat, mengenal pasti kontrak-kontrak perniagaan masa kini yang bercanggah dengan Islam.

Selain dari itu, seminar juga mempunyai objektif bagi mengenal pasti masalah yang menghalang pelaksanaan kontrak-kontrak perniagaan Islam dan merumuskan garis panduan perniagaan Islam untuk para peniaga dan pengguna.

Pihak penganjur memaklumkan bahawa tarikh terakhir penerimaan borang penyertaan dilanjutkan sehingga 21 Mei, 2001.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Sekretariat Seminar :

* Dayang Zalinawati binti Haji Mohaimin,
Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin,
Universiti Brunei Darussalam.
Tel : 673-2-249001 sambungan 434
Faks : 673-2-249759
E-mel : zalina@admin.ubd.edu.bn

* Dk. Zainatul Shema binti Pg. Haji Mohaimin,
Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar,
Universiti Brunei Darussalam.
Tel : 673-2-249001 sambungan 105
Faks : 673-2-249517
E-mel : zalina@admin.ubd.edu.bn

Minggu Sains dan Teknologi ASEAN 10 - 12 September

BERAKAS, 1 Mei. - Negara Brunei Darussalam diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi mengendalikan Minggu Sains dan Teknologi ASEAN Ke-6 yang akan berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa pada 10 hingga 12 September depan.

Minggu Sains dan Teknologi ASEAN merupakan forum serantau yang penting bagi saintis, teknologi, penyelidik dan pegawai-pegawai kerajaan negara ahli untuk berkongsi pengalaman di antara negara-negara ahli dan rakan-rakan dialog serta organisasi-organisasi sains dan teknologi yang lain.

Ia juga untuk meningkatkan kesedaran mengenai perkembangan semasa dan penggunaan sains dan teknologi di dalam dan di luar rantau ini serta memberi penghargaan terhadap kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh saintis-saintis ASEAN.

Pameran bertemakan 'Sains dan Teknologi : Meningkatkan Kualiti Kehidupan atau 'S & T : Enhancing The Quality of Life'.

Sepanjang pameran, Mesyuarat Ke-9 Menteri-menteri Sains dan Teknologi ASEAN, Kongres Sains dan Teknologi ASEAN, penyampaian Anugerah-anugerah sains ASEAN serta Pameran Sains dan Teknologi antara aktiviti-aktiviti yang turut diadakan.

Oleh Samle Haji Jait

Peluang kepada saintis di rantau ini bagi berkongsi hasil penyelidikan melalui program-program penyelidikan dan perkembangan kebangsaan yang meliputi projek usaha sama dengan rakan-rakan dialog akan dapat diperolehi ketika kongres Sains dan Teknologi ASEAN itu nanti.

Ia akan disertai oleh penerima-penerima anugerah dunia (Nobel Laureates) dari negara-negara ASEAN dan rakan-rakan dialog akan menyampaikan kertas saintifik mereka di dalam sembilan buah persidangan-persidangan di bawah Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil ASEAN COST.

Sementara itu, pameran yang akan disertai oleh semua negara-negara ahli ASEAN termasuk rakan-rakan dialog dan pihak swasta itu akan mendedahkan kejayaan yang dicapai oleh ASEAN di bidang sains dan teknologi, projek-projek usaha sama dengan rakan-rakan dialog dan perkembangan baru terutama penggunaan teknologi canggih di rantau ini dalam meningkatkan kualiti kehidupan.

Negara rakan dialog termasuklah Australia, Kanada, Republik Rakyat China, EU, India, Jepun, New Zealand, Republik Korea, Russia, USA, UNDP dan Pakistan.

Majlis Makan Malam sempena BITEX

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 1 Mei. - Bersempena Pameran Teknologi Maklumat Brunei 2001 (Pameran BITEX) yang diadakan 26-30 April lalu, Majlis Makan Malam telah diberikan oleh Persatuan Komputer Brunei Darussalam (PKBD) bertempat di Restoran Penyajian Penerbangan Diraja Brunei, Berakas.

Majlis bermula dengan ucapan oleh Yang Dipertua PKBD, Awang Haji Mohammed Mahathir Abdullah yang antara lain menjelaskan perkembangan dan kemajuan teknologi di negara ini.

Majlis kemudian diikuti dengan taklimat ringkas mengenai Anugerah Telekomunikasi Teknologi Maklumat Asia Pasifik (APPITTA) oleh Naib Yang Dipertua Perkembangan Multimedia Bagi Koperasi, Dr. Abu Tali Bachik dari Malaysia.

Menurutnya, APPITTA yang diwujudkan

kan sejak enam tahun lalu telah memberikan anugerah kepada mereka yang diiktiraf dalam teknologi yang memberikan sumbangan dan khidmat baktinya kepada perkembangan dan kemajuan teknologi dan maklumat di rantau ini.

APPITTA beribu pejabat di Australia Awang Paul Philip adalah sebagai Pengerusinya. Tahun lalu APPITTA telah memberi anugerahnya kepada seorang pakar komputer di Malaysia.

Ketua-ketua jabatan perlu sediakan MPK

RIMBA, 30 April. - Ketua-ketua jabatan perlu menyediakan Manual Prosedur Kerja (MPK) masing-masing bagi kejelasan kakitangan mengikut bidang tugas dan tanggungjawab serta tatacara melaksanakan tugas di kalangan jabatan berkenaan.

"Menurut Laporan Tahunan 1999, hanya lima kementerian dan 57 jabatan saja yang menyediakan MPK, selain didapati ada jabatan-jabatan tidak menghadapkan laporan tahunan sedangkan ia penting bagi menilai kemajuan dan prestasi perkhidmatan awam," jelas Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair di Sesi Perjumpaan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dengan Ketua-ketua Jabatan di Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

Perjumpaan yang diadakan dua sesi itu bagi membincangkan ke atas penemuan dan rumusan hasil daripada Laporan Tahunan Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan 1999, Kaji Selidik Semangat Bekerja dan Kajian Kedatangan Waktu Bekerja.

Penyediaan Manual Prosedur Kerja, Pelaksanaan TPOR dan Status Aduan TPOR 1998-2001 turut menjadi agenda perbincangan di perjumpaan itu.

Dato Paduka Haji Hazair berkata, bagi menani dan mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke arah pencapaian perkhidmatan awam yang cemerlang, berwibawa, bermutu tinggi, mampu membawa perubahan dan mempunyai integriti serta mampu memenuhi ekspektasi orang ramai, ianya terletak sepenuhnya kepada peranan kita semua sebagai ketua-ketua jabatan, sebagai ejen kepada perubahan dan teraju atau nakhoda kepada organisasi masing-masing.

Tambahnya, kita perlu memberikan fokus, apresiasi dan penilaian yang berterusan kepada struktur organisasi yang dipimpin, dasar-dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan yang terdapat di jabatan-jabatan dan pelakuan organisasi termasuk tenaga manusia di dalamnya atau 'organisational and behavioural change'.

"Yang jelasnya masa depan perkhidmatan awam dan arah tuju jentera pentadbiran adalah tergantung di bahu ketua-ketua jabatan termasuk setiausaha-setiausaha tetap yang ada pada masa ini untuk bergerak dan bertindak sama bagi mencapai Wawasan Perkhidmatan Awam Abad 21," jelas beliau.

Oleh Samle Haji Jait

Dari situlah peranan atau 'role' yang dimainkan dan dilaksanakan sebagai ketua jabatan bagi menilai sejauh mana keupayaan bagi mempertahankan dan menani falsafah negara, memenuhi kepentingan-kepentingan selain menjaga keharmonian, kestabilan, kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Penilaian yang membawa perubahan bagi memastikan inovasi, efisiensi, keberkesanan, pelaksanaan penguatkuasaan peraturan, undang-undang dan

dasar jabatan termasuk peningkatan produktiviti, kualiti dan mutu perkhidmatan dengan lebih 'customer focus' dan memudah cara, di samping memberikan perhatian ke atas disiplin, latihan dan kebijaksanaan kakitangan di jabatan masing-masing perlu juga diteliti.

Dalam waktu yang sama, sebagai kumpulan organisasi dalam perkhidmatan awam yang saling bergantung dan saling bersandarkan di antara satu dengan lain, perlu juga sama-sama menilai tahap koordinasi,

kerjasama dan keberkesanan kita bertindak dan memenuhi ekspektasi pelanggan yang meliputi semua golongan.

"Kita perlu mengeneppikan sikap 'bangau oh bangau' sebagai alasan atau menyembunyikan kelemahan dan kurang keberkesanan dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab, malah lebih menumpukan dan mengutamakan kepada prestasi organisasi yang kita pimpin," jelas Dato Paduka Haji Hazair.

Ke arah mencapai tahap



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair ketika berucap di Sesi Perjumpaan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Dengan Ketua-ketua Jabatan. Majlis berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Rimba. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

keberkesanan dan efisiensi yang tinggi, kita perlu mempunyai 'benchmark' yang dijadikan sandaran yang perlu diambil secara positif dan konstruktif selain berani menerima dan mengakui kelemahan bagi tujuan pembaikan dan peningkatan di dalam organisasi masing-masing.

Selain menyediakan MPK, pembentukan Pasukan Tindakan, KKC, strategi-strategi pengurusan di samping ketegasan ke atas disiplin dan etika kerja, pemantauan kedatangan dan keluar masuk kerja serta pelaksanaan penilai prestasi kerja perlu betul dan bukannya sambil lewa.

"Perubahan minda set, pencapaian kecemerlangan perkhidmatan awam melalui peningkatan efisiensi, keberkesanan, produktiviti, memberikan komitmen sepenuhnya dari ketua-ketua jabatan yang berperanan selaku 'role model', bersikap proaktif, inovatif, kreatif dan mengambil berat di atas perkembangan dan kemajuan organisasi dan kakitangan yang dipimpin," jelas Dato Paduka.

Menyentuh Laporan Tahunan 1999, terdapat jabatan tidak menurut peraturan-peraturan kewangan dan tidak mengambil tindakan ke atas Laporan Audit selain gagal menyediakan TPOR, pelaksanaan TPOR kurang berkesan, kurang pemantauan dan kurang pengemaskinian.

Peraksanaan Penilaian Prestasi juga dilihat masih di tahap yang kurang memuaskan dan tidak dilakukan seperti mengikut garis panduan yang disediakan di mana 65 peratus di tahap yang sangat baik masih dipertikaikan ketepatan-nya.

Melalui Kaji Selidik Semangat Bekerja kakitangan, ketua jabatan ada didapati tidak menerima idea dan cadangan pihak atau kakitangannya yang menghidupkan Action Team, KKC, mesyuarat bulanan atau permuakarahannya.

Ketua-ketua jabatan juga perlu mengambil tindakan mengenai disiplin dan kedatangan kakitangan yang tidak mematuhi peraturan waktu bekerja, keluar masuk dan meninggalkan tempat kerja yang tidak

terkawal seperti kajian pada bulan Mei-Oktober 2000.

Perjumpaan bagi percambahan fikiran itu dihasratkan bagi mempertingkatkan imej

dan kewibawaan perkhidmatan awam selain melihat peranan ketua-ketua jabatan memenuhi matlamat Wawasan Perkhidmatan Awam Abad 21.

3 anggota ATUDB terima Lencana Juruterbang

Oleh Haji Ahmad HS

GADONG, 27 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan kenaikan pangkat dan Lencana Juruterbang kepada tiga orang pegawai Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB).

Majlis Kenaikan Pangkat dan Lencana Juruterbang berlangsung di Ibu Pejabat Pengkalan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Kampong Rimba di sini.

Menyempurnakan majlis itu ialah Pemangku Pemerintah ATUDB, Leftenan Kolonel Awang Haji Sharifuddin bin Pehin Dato Haji Mohammad.

Pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat ialah 542 2nd Leftenan (U) Awangku Mohd. Irwan bin Pengiran Haji Zainal yang bermula 29 Jun, 1995. Sementara itu dua pegawai menerima Lencana juruterbang iaitu 518 Leftenan (U) Hirmin bin Haji Latif dan 519 Leftenan (U) Haji Shamsol Iskandar Haris Faudillah bin Haji Dzulkiflee.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian siji-sijil Kelulusan Jurulatih Anak Kapal kepada dua orang anggota dan tiga anggota menerima Lencana Anak Buah kapal.

Sejauh ini Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei kini mempunyai lebih 30 orang juruterbang pesawat helikopter.



PEMANGKU Pemerintah ATUDB, Leftenan Kolonel Awang Haji Sharifuddin bin Pehin Dato Haji Mohammad ketika menyempurnakan lencana Juruterbang kepada seorang pegawai ATUDB. - Gambar oleh Masri Osman.



KETUA-KETUA Jabatan Kerajaan perlu mempertahankan dan menani falsafah negara bagi mencapai Wawasan Perkhidmatan Awam Abad 21. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PEGAWAI-PEGAWAI kanan kerajaan ketika sama-sama hadir di Sesi Perjumpaan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam. - Gambar oleh Halim HS.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain menyampaikan piala kepada johan qariah, Dayang Hajah Nurul Akmalina binti Haji Yahya. - Gambar oleh Ramli Tengah.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan lain-lain jemputan ketika hadir di Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Belia-belia diseru :

Jangan terpengaruh gaya hidup barat

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 3 Mei. - Masyarakat Melayu Islam di negara ini malah di rantau ini yang mengamalkan kehidupan ketimuran sentiasa merasa tertekan dan bimbang akan impak gaya kehidupan dari barat ke atas golongan belia.

Ini khususnya dalam dunia hiburan yang penuh glamour, kuasa 'marketing strategy' untuk melariskan barangan budaya dari barat itu adalah amat kuat melanda pasaran tempatan kita, sehingga golongan belia kita terpengaruh untuk menjadikan penghibur-penghibur dan bintang-bintang filem dari barat itu sebagai idola atau 'role model' dalam kehidupan seharian mereka.

Kebimbangan tersebut diluahkan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain di Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan di Pusat Da'wah Islamiah.

Yang Berhormat berkata, apa yang membimbangkan 'role model' yang mereka pilih itu tidak semestinya yang terbaik, kerana ada di antara mereka itu mengamalkan gaya kehidupan yang 'permissive' yang lahir daripada sebuah 'decadent society'.

"Dalam menghadapi pertembungan budaya seperti ini, kita sering mengambil sikap bertahan yang seharusnya tidak sebegitu," jelas Yang Berhormat.

Dengan kekuatan iman, tegas Yang Berhormat, yang bersumber daripada akidah Islam dan tauhid daripada Al-Quran, kita hendaklah bersikap 'offensive' dengan mengetengahkan dan memasarkan 'role model' kita sendiri yang sesuai, serasi dan tidak bercanggah dengan gaya kehidupan dan pegangan beragama kita di sini.

"Seterusnya 'role model' yang kita pilih itu hendaklah dipasarkan secara agresif melalui multimedia yang terdapat sekarang sama ada media cetak ataupun elektronik.

Usaha ini memerlukan komitmen semua pihak

yang betul-betul insaf bahawa falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) itu perlu dipertahankan demi survival bangsa," kata Yang Berhormat lagi.

Tambahnya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, melalui jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawahnya adalah sentiasa berusaha menganjurkan program-program yang melibatkan belia supaya menginsafi nasib masa depan bangsa dan negara mereka.

Menurut Yang Berhormat, kemudahan-kemudahan infrastruktur kebelaian, kesukanan, kebudayaan dan kemasyarakatan sudah tersedia di seluruh negara dan berfungsi dengan baiknya demi menahut keperluan-keperluan semasa dan operasinya akan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat juga menyeru belia-belia di negara ini supaya melengkapkan diri dengan kualiti dan nilai-nilai kehidupan yang terbaik dan terpuji demi faedah dunia dan akhirat.

"Kualiti dan nilai-nilai kehidupan yang murni adalah tetap relevan pada semua waktu dan keadaan," tegas Yang Berhormat.

Johan bahagian qari ialah Awang Haji Mahrof bin Haji Chuchu. Beliau menerima piala pusingan yang disumbangkan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, manakala naib johan ialah Awang Haji Ismail Haji Kassim, sementara tempat ketiga ialah Awang Zulhilmu bin Haji Abidin.

Bahagian qariah pula, johan ialah Dayang Hajah Nurul Akmalina binti Haji Yahya yang juga menerima piala pusingan sumbangan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Manakala naib johan ialah Dayang Hajah Noorlaila binti Haji Metusin dan ketiga jatuh kepada Dayang Hajah Hartini binti Haji Abdul Salim.

Teknologi maklumat bawa banyak perubahan

JERUDONG, 3 Mei. - Perkembangan drastik teknologi maklumat masa kini banyak membawa perubahan yang pesat mengakibatkan masyarakat setempat tiada punya pilihan melainkan menerima hakikat bahawa teknologi maklumat itu perlu dalam kehidupan.

Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin bin Haji Omar berkata demikian di Majlis Seminar Antarabangsa Mengenai Arkib Peringkat Asia Tenggara yang berlangsung di Hotel Asma di sini.

Ketika perkembangan teknologi maklumat semakin meluas mengubah tugas merekodkan bahan-bahan arkib juga mengalami perubahan, katanya.

Menurutnya, teknologi maklumat juga turut menyumbang kepada kesan-kesan undang-undang yang sah yang perlu dibincangkan dalam seminar tersebut.

Seminar tiga hari itu dihadiri oleh para perwakilan dari rantau Asia Tenggara yang antara lain membincangkan cara terbaik untuk mengekalkan

Oleh Aliddin HM

warisan budaya negara.

Seminar kali ini juga akan menumpukan kepada undang-undang yang sah yang melanda perdagangan bahan-bahan

arkib.

Para perwakilan seminar berharap untuk meningkatkan lagi langkah-langkah pengawalan, perlindungan dan pengedaran bahan-bahan arkib daripada sebarang risiko serta memajukannya dalam semua aspek.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin ketika hadir merasmikan Seminar Antarabangsa Mengenai Arkib Peringkat Asia Tenggara yang berlangsung di sebuah hotel di Jerudong. - Gambar oleh Harun HR.

DENGAN kekuatan iman, tegas Yang Berhormat, yang bersumber daripada akidah Islam dan tauhid daripada Al-Quran, kita hendaklah bersikap 'offensive' dengan mengetengahkan dan memasarkan 'role model' kita sendiri yang sesuai, serasi dan tidak bercanggah dengan gaya kehidupan dan pegangan beragama kita di sini.

Sukan Sukan Sukan

Liga Perdana Dua :

SKUAD NEGARA BELUM TEMUI RENTAK BERKESAN

SELEPAS memenangi tiga kemenangan menewaskan Kedah 2 - 1, Telekom Melaka 5 - 0 dan Sabah 1 - 0, Cempaka Negeri Sembilan pula tampil mengangkannya dengan menundukkan 1 - 0 di Stadium Negara Hassanah Bolkih nyata sekali mutu persembahan skuad bimbingan jurulatih kebangsaan Michael Jones, ini belum menemui rentak sebenar.

Hakikatnya dapat disaksikan apabila pasukan pelawat Cempaka Negeri Sembilan bernasib baik meragut tiga mata selepas memperoleh kemenangan di minit-minit akhir separuh masa pertama melalui Azmi Mohamed yang melakukan rembatan di luar kotak penalti dan penjaga gol Alizanda Sitom tergamam melihat bola yang bergolek masuk ke dalam pintu gol.

Meskipun ketinggalan, tuan rumah mempamerkan permainan lebih menyerlah dengan melakukan banyak serangan-serangan melalui Muhd. Subhi Abdullah, Ak. Mohd. Shahrom dan Afindi Yati Tuah untuk menyamakan kedudukan, namun penjaga gol Cempaka Negeri Sembilan, S. Ragesh bertindak cemerlang menghalang kesemua percubaan tersebut.

Di separuh masa kedua, tuan rumah terus bangkit menguasai permainan melancarkan hantaran bola tinggi dari kiri dan kanan namun percubaan tersebut kurang berkesan.

Ak. Sallehuddin Pg. Haji Damit, Irwan Mohamad dan Fadlin Gelawat yang banyak membuka ruang dari kiri dan kanan gagal memecahkan kebuntuan apabila pergerakan dua

Oleh Haji Ahat HI

penyerang muda Ak. Shahrom dan Afindi Yati Tuah sentiasa tersekat ketika melakukan gerakan.

Lebih menyukarkan lagi, pertahanan pelawat seperti Mohd. Paizal Mohd. Yassin, K. Nanthakumar dan Saifullizan Hashim dengan mudah mematahkan setiap hantaran bola tinggi dan peluang-peluang tersebut terlepas saja.

Tidak seperti perlawanan terdahulu menentang Telekom Melaka, skuad negara lebih bernaif melancarkan serangan dengan memperlihatkan permainan kemas sehingga pasukan pelawat yang berstatus kelab itu tidak bermaya menyainginya.

Kekalahan tipis minggu lepas itu menjejaskan sedikit peluang skuad negara untuk mengukuhkan lagi kedudukan di tangga Bahagian Dua Liga Perdana Malaysia. Keberkesanan barisan penyerang perlu banyak mendapat sokongan dari semua sudut dan tidak boleh bergantung melalui hantaran bola tinggi sebagaimana semasa pertemuan dengan Cempaka Negeri Sembilan.

Barisan tengah yang memainkan perancangan perlu bekerja keras bagi mengimbangi keupayaan barisan serangan terutama apabila berdepan dengan pemain lawan yang mempunyai fizikal badan yang tinggi.


Inilah kelemahan yang membawa kepada kegagalan barisan depan untuk mendapatkan jaringan dalam pertemuan dengan Cempaka Negeri Sembilan.



BERGELUT Kelihatan para penyerang tuan rumah cuba mendapatkan bola tinggi dalam pergelutan depan pintu gol Cempaka Negeri Sembilan. - Gambar oleh Masri Osman.



BEGINI CARANYA Riwandi Wahit cuba mengawal bola daripada dirampas oleh pertahanan Telekom Melaka, Mahendran Jayaraman yang berkesudahan tuan rumah menang 5 - 0. - Gambar oleh Masri Osman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik. - Gambar oleh Masri Osman.

Sukan ARAFURA 2001:

ATLET DISARAN BERAKSI CEMERLANG

Oleh Haji Ahat HI

PARA Atlet yang dipilih mewakili negara ke temasya Sukan ARAFURA 2001 di Darwin Australia disaran memperlihatkan prestasi cemerlang sebagaimana yang pernah dicapai pada penyertaan yang lalu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain ketika membuat saranan itu semasa mengadakan perjumpaan dengan pegawai dan atlet yang terpilih menyertai Sukan ARAFURA juga menyeru atlet agar sentiasa memberikan persaingan dalam kesemua acara selain memperlihatkan semangat kesukanan yang tinggi.

"Memandangkan pencapaian kontinjen kita di Sukan SEA yang lepas yang mana telah berjaya meraih jumlah pingat yang besar, maka adalah harapan seluruh negara agar prestasi yang cemerlang itu dapat diulangi lagi bukan sahaja di Sukan ARAFURA tetapi di Sukan SEA nanti," jelas Yang Berhormat.

Mengenai pemilihan atlet, Yang Berhormat berkata pemilihan dilakukan atas dua dasar iaitu pemilihan untuk penyertaan pendedahan dan aspek lain melalui prestasi dan mutu pencapaian Sukan ARAFURA dijadikan sukatan Jabatan Belia dan Sukan bagi pemilihan penyertaan Sukan SEA Ke-21.

Menurut statistik pencapaian pingat kontinjen negara semasa penyertaan Sukan ARAFURA, dalam tahun 1991 sejumlah dua pingat emas,



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain menyuarakan para atlet yang terpilih menyertai Sukan ARAFURA agar beraksi cemerlang. - Gambar oleh Harun HR.



lima perak dan tujuh gangsa telah dicapai; penyertaan 1993 pula lima pingat emas, empat perak dan 27 gangsa; penyertaan 1995 tujuh pingat emas, 11 perak dan 16 gangsa manakala penyertaan tahun 1997 tiga pingat emas, empat perak dan 11 gangsa.

Dengan pencapaian itu Yang Berhormat berharap

prestasi yang cemerlang akan dapat diulangi lagi oleh para atlet tahun ini.

"Dengan ini tunjukkanlah prestasi yang tinggi dan kita sama-sama berdoa supaya atlet kita akan dapat memberikan persaingan yang berpatutan dalam semua acara yang disertai," terang Yang Berhormat.

Pesta Sukan Kebangsaan Ke-V

Atlet lama mengungguli banyak pingat



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar menyampaikan pingat emas kepada skuad pelari 4 x 400 m wanita Daerah Brunei dan Muara. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



BERJAYA ... Abdullah Asgar (berdiri tengah) merangkul pingat emas acara lumba basikal lebuhraya dengan catatan masa 2 jam 56 minit 33.86 saat; pingat perak, Hatnan Buang dan pingat gangsa, Arshad Besar.

ATLET-ATLET lama masih lagi kelihatan mengungguli persada olahraga negara apabila mereka muncul memenangi banyak pingat-pingat yang dipertandingkan di Pesta Sukan Kebangsaan Ke-V di Stadium Negara Hassanal Bolkhiah.

Penyertaan mereka dalam beberapa acara yang dipertandingkan ternyata belum dapat ditandingi oleh atlet muda meskipun usia sudah jauh berbeza.

Namun mereka yang kaya dengan pengalaman dan teknik itu tetap unggul menjadi raja trek sebagaimana yang dicapai oleh Haseri Asli yang menjuarai lari pecut 100 meter (m) lelaki yang mencatatkan masa 10.9 saat, manakala Alinawati Haji Aliakbar yang juga memenangi lari pecut 100 m mencatatkan masa 12.2 saat.

Tea Ai Seng, Salman Sigar, Marsita Kamel Jumat, Nurhanani Haji Abdul Hamid, Lim Chee Wee dan Shahjohan Shari masing-masing juga masih berupaya mencipta nama dalam acara-acara yang mereka sertai.



Oleh Haji Ahat HI

lari 110 m lompat pagar; Jamal Pinjar, lompat jauh; Hajah Siti Noor Wardah, lari 400 m; Sim Chyi Mei 1,500 m; Sharimey Johari, 400 m lari berpagar; Ng Wenn Yee, 400 m lari berpagar; Noor Md. Ariffin, 3000 m lari berhalangan dan Huong Tin-Tin, lompat tinggi wanita.

Meskipun tenggelam oleh atlet-atlet muda, temasya Pesta Sukan Kebangsaan Ke-V itu juga berjaya menampilkan beberapa atlet muda seperti Yong Chin Aull yang menjuarai cara

Dengan penampilan atlet muda ini tentunya memberikan nafas baru terhadap perkembangan olahraga negara dan sekali gus menjadi aset penting untuk diketengahkan.



LAJU ... Pelari Temburong memulakan larian 4 x 400 meter dan cuba dicabar oleh pelari dari Daerah Tutong. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

HASRAT MEMILIKI PINGAT EMAS TERCAPAI

AKHIRNYA hasrat bagi memiliki pingat emas dalam acara lumba basikal lebuhraya di Pesta Sukan Kebangsaan Ke-V 2001 tercapai bagi Abdullah Asgar wakil Brunei-Muara dengan mencatat masa 2 jam 56 minit 33.86 saat setelah beliau kecewa dalam uji masa perseorangan kerana kesilapan teknikal.

Beliau mengalahkan 42 pelumba yang lain yang juga memberi saingan sengit di sepanjang perlumbaan sejauh 112 kilometer. Pingat perak diraih oleh Hatnan Haji Buang +0.45 saat di belakang, manakala pingat gangsa dipungut oleh Arshad Besar +0.19 saat di belakang Hatnan.

Perlumbaan bermula di Stadium Negara Hassanal Bolkhiah, Berakas (SNHBB) dengan melalui laluan Lebuhraya Hassanal Bolkhiah, Jalan Tutong-Persimpangan Sengkarai, Lebuhraya Muara-Tutong, Tungku Link, Kompleks Jabatan-jabatan Kerajaan, Jalan Menteri Besar, Jalan Kebangsaan, melintasi Pusat Da'wah Islamiah dan terus ke garis penamat di SNHBB.

Kesemua pelumba bermula dalam keadaan hujan sedikit menjejaskan kayuhan semua pelumba kerana setiap mereka harus berhati-hati bagi mengelakkan kemalangan dan semua pelumba mahukan kemenangan dan berjaya menamatkan perlumbaan.

Di awal-awal perlumbaan tiga pelumba (Abdullah, Siman dan Suboh) cuba memisahkan diri daripada kelompok besar di kilometer 25 setelah perlumbaan melalui Jalan Bunut hingga ke simpang Jerudong, namun mereka berjaya dikejar oleh kelompok besar dan di situlah terjadi beberapa pelumba cuba membuat 'breakway' berulang kali daripada kelompok besar tetapi gagal kerana kelompok besar masih tetap mengekori.

Oleh Haji Ahmad HS

Tapi ada kalanya 'breakway' yang dibuat berjaya menyisihkan pelumba lemah namun bagi pelumba-pelumba yang berkebolehan mengekori 'breakway' merupakan satu kemestian bagi menjamin kemenangan.

Perbuatan 'breakway' berlarutan hingga melalui Lebuhraya Muara-Tutong yang sering dilakukan oleh Chieng Chiew Lee, Reduan Yusof dan Simon O'Brien tetapi kelompok besar tetap tidak terlepas melainkan beberapa pelumba yang tercicir.

Apabila kelompok besar memasuki Tungku Link, kelajuan kayuhan semakin meningkat sehingga mencecah 55 kilometer satu jam tapi ia masih gagal melepaskan pelumba lain.

Ketika kelompok melalui Jalan Kebangsaan, seorang pelumba sekali lagi membuat pecahan tapi tetap diekori oleh kelompok. Keadaan itu berterusan hinggalah memasuki simpang ke SNHBB, di mana di persimpangan itu terjadi kemalangan kecil yang melibatkan beberapa pelumba, keadaan menjadi kelam-kabut dan ini peluang terbaik bagi pelumba yang memiliki pecutan yang baik untuk memenangi perlumbaan.

Akhirnya pingat emas milik Abdullah Asgar; perak, Hatnan Haji Buang dan gangsa, Arshad Besar.

Menyempurnakan penyampaian pingat-pingat kepada pemenang ialah tetamu kehormat, Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Yusof Haji Abu Bakar.

KEDUDUKAN PINGAT-PINGAT KESELURUHAN PESTA SUKAN KEBANGSAAN KE-V 2001

PASUKAN	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
Brunei-Muara	45	26	6	77
Daerah Belait	5	15	21	41
Daerah Tutong	5	10	17	32
Temburong	1	3	2	6
RBA	1	1	-	2
QAF	-	1	-	-
Bank-Bank	-	-	-	-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menyaksikan Pameran Keselamatan Makanan sempena Sambutan Hari Majlis Wanita 2001, anjuran Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Kesihatan dan keselamatan makanan fokus utama

BERAKAS, 6 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah berkenan berangkat ke Sambutan Hari Majlis Wanita 2001.

Sebagai sambutan hari berkenaan, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) tahun ini memfokuskan perhatian kepada kesihatan dan keselamatan makanan dengan mengadakan forum dan pameran yang berkaitan dengannya.

Berangkat ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

MWNBD sebagai Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Mempromosi Kesihatan turut berperanan menyusun langkah menjalankan kegiatan yang dapat mengawal dan mengatasi masalah-masalah kesihatan utama di negara ini ke arah

Oleh Siti Muslihat HS

menuju 'Cara Hidup Sihat'.

Selain memperingati penubuhan MWNBD, forum dan pameran diharap dapat meningkatkan pengetahuan wanita mengenai kesihatan dan keselamatan makanan dan kualiti makanan yang dimakan, yang secara tidak langsung mempertingkatkan taraf kehidupan di negara ini.

Dengan mengadakan forum dan pameran sempena Hari Majlis Wanita, kaum wanita di negara ini sedikit sebanyak memperoleh pengetahuan mengenai langkah-langkah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kesihatan dan keselamatan makanan seperti yang telah didedahkan oleh agensi penguatkuasa undang-undang keselamatan makanan seperti Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Pertanian, Perikanan, Bandaran, Daerah dan Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal.

Peranan Brunei dalam APEC : Kebawah DYMM, Presiden China pengerusikan Mesyuarat HCB di Beijing

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Rakyat China akan mengerusikan bersama Mesyuarat Rakyat China akan mengerusikan bersama Mesyuarat Peringkat Tinggi bagi membincangkan inisiatif Pembangunan Kapasiti Manusia (HCB) dalam APEC yang akan diadakan di Beijing, Republik Rakyat China pada 15 hingga 16 Mei.

Menurut siaran akhbar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, pembangunan sumber manusia (HRD) yang memberikan penekanan kepada pembangunan kapasiti adalah sebahagian daripada tema Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2000 yang dipengerusikan oleh Negara Brunei Darussalam tahun lalu.

Pada bulan Mei, 2000, sesi dialog khas pembangunan sumber manusia telah diadakan di Bandar Seri Begawan antara para perwakilan kerajaan, sektor swasta, institusi pendidikan dan latihan.

Para pemimpin APEC yang bermesyuarat di Bandar Seri Begawan telah bersetuju untuk melaksanakan inisiatif proses kerjasama di peringkat serantau dan menjadikan pembangunan kapasiti manusia sebagai agenda di mesyuarat peringkat tertinggi di Beijing.

Siaran akhbar itu menam-

bah bahawa mesyuarat di Beijing bulan ini merupakan Mesyuarat APEC Peringkat Tertinggi menangani isu-isu yang berkaitan mengenai pembangunan kapasiti manusia.

Dalam menyedari kesan teknologi baru, mesyuarat bertujuan meningkatkan pembangunan kapasiti manusia dalam APEC di bawah ekonomi baru.

Peranan utama yang akan dimainkan oleh Negara Brunei Darussalam di mesyuarat berkenaan akan membantu kesinambungan dengan keputusan

yang dipersetujui dalam APEC 2000.

Perbincangan yang akan diadakan di Beijing dirasakan khususnya tepat pada waktunya memandangkan kegawatan ekonomi global.

Negara Brunei Darussalam telah melancarkan program pembangunan manusia yang dihasratkan bagi meningkatkan kemahiran bagi tenaga kerja, khususnya dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyaksikan pameran mengenai aktiviti-aktiviti dan perkembangan Sekolah Nusa Laila Puteri. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

dapatkan kemudahan pendidikan.

Sumbangan dan khidmat yang selama ini ditularkan oleh Sekolah Nusa Laila Puteri kepada masyarakat dan negara, sabda Duli Yang Teramat Mulia, adalah sangat besar nilai dan ertinya kepada perkembangan dan pembangunan pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di Pusat Persidangan Antarabangsa telah dijunjung oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Jubli Perak sekolah berkenaan.

Sejurus keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia masuk ke dalam dewan, diiringi dengan lagu Tala'al Badru Alaina dan kemudiannya diikuti pula dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan'.

Ini kemudiannya diikuti pula dengan sembah alu-aluan daripada Pengetua Sekolah Nusa Laila Puteri, Cikgu Hajah Sharifah Noor binti Syed Ibrahim yang antara lain menyentuh mengenai pencapaian sekolah berkenaan sebagai perintis sekolah rendah di negara ini yang ditubuhkan pada tahun 1976.

Seterusnya, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima cek bernilai \$4,500.00 sumbangan derma bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan daripada para guru dan murid-murid sekolah tersebut.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran mengenai aktiviti-aktiviti dan perkembangan Sekolah Nusa Laila Puteri dan cawangan-cawangannya.

Dari muka 1

Duli Yang Teramat Mulia menambah sabda, usaha-usaha kerajaan itu dapat dilihat dari segi penyediaan infrastruktur pendidikan seperti bangunan-bangunan sekolah, maktab-maktab teknikal dan institusi pengajian tinggi.

Usaha-usaha kerajaan itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia, termasuklah juga pengambilan tenaga luar serta melatih anak-anak tempatan untuk menjadi tenaga pengajar, di samping penelitian dan penyediaan dasar-dasar pendidikan yang seimbang lagi berkesan melalui Kementerian Pendidikan serta penubuhan Majlis Pelajaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia menambah sabda, dalam mengharungi abad ke-21 yang penuh cabaran, negara memerlukan sistem pendidikan yang berkesan dan selaras dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi demi untuk mewujudkan generasi yang berminda saintifik, kreatif, inovatif, mencintai ilmu, berbudaya fikir di samping berakhlak baik dan mulia.

"Kegagalan dalam menangani isu teknologi dalam konteks sistem pendidikan akan mengakibatkan kepincangan dalam usaha menyediakan generasi penerus yang mampu berdaya saing dan berdaya taban apabila berdepan dengan pelbagai cabaran di era teknologi maklumat," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Satu perkara yang sangat membanggakan dalam perkembangan pendidikan di Negara Brunei Darussalam, sabda Duli Yang Teramat Mulia,

ialah peranan dan penglibatan sekolah-sekolah swasta yang menggandingi dan mendukung usaha-usaha kerajaan memajukan pendidikan di negara ini adalah sangat dihargai oleh kerajaan dan rakyat.

Peranan sekolah-sekolah swasta, sabda Duli Yang Teramat Mulia, dapat dilihat seperti mana yang telah disumbangkan oleh Sekolah Nusa Laila Puteri yang telah bergiat selama 25 tahun mengasuh dan mendidik anak-anak bangsa di peringkat prasekolah dan sekolah rendah.

Duli Yang Teramat Mulia difahamkan bahawa dalam tempoh 25 tahun penubuhannya, murid-murid yang menerima didikan awal di Sekolah Nusa Laila Puteri telah ramai yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang tinggi malahan menjawat jawatan-jawatan dan profesion yang penting di dalam kerajaan dan sektor swasta.

Sekolah Nusa Laila Puteri, sabda Duli Yang Teramat Mulia juga dapat sama-sama memainkan peranan dalam menerapkan unsur-unsur Melayu Islam Beraja dan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikannya bahkan juga telah mula mengorak langkah ke arah mendedahkan pelajar akan kepentingan teknologi maklumat dengan mengadakan kelas-kelas komputer.

Selain dari itu, tambah Duli Yang Teramat Mulia, sekolah tersebut juga menghulurkan skim bantuan dan kemudahan persekolahan secara percuma kepada anak-anak yatim yang berumur dalam lingkungan 5 hingga 12 tahun sejak tahun 1977.

Sumbangan murni yang dihulurkan itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia, adalah juga merupakan sebagai tanggungjawab sosial yang sama-sama dipikul oleh sekolah swasta dalam sama-sama memastikan tidak ada seorang pun anak bangsa di negara ini yang ketinggalan daripada men-

AMALKAN 'CARA HIDUP SIHAT'

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.